

## KELEBIHAN ZUHUD

Daripada Sahl bin Saad berkata : “Seorang lelaki datang menemui nabi s.a.w dan berkata : “Tunjukkan padaku amalan yang mana apabila aku melakukannya maka Allah akan mengasihiku dan manusia juga mengasihiku”. Nabi menjawab : “Tinggalkan keinginanmu terhadap dunia nescaya kamu akan dikasihi Allah dan tidak mengharap apa yang ada pada manusia maka kamu akan dikasihi oleh manusia”.

Dalam kehidupan yang penuh dengan kebendaan yang menyesatkan dan harga yang saling melonjak naik terhadap kelazatan dan nafsu syahwat, dalam ribut keseronokan dan mencari bekalan. Orang mukmin perlu menjaga perkara yang perlu ditunai untuk jiwanya dan keperluan hatinya serta menyinarinya dengan cahaya yang mengurangkan perhiasan kehidupan dunia, beradab dalam menggunakan kemewahannya, berhati-hati dengan sifat haloba dan tamak terhadapnya. Dalam ruangan peringatan ini Rasulullah menyebut kepada kita hadis ini supaya menjadi iktibar dan peringatan.

Ada riwayat kedua bagi hadis ini menyebut : “Datang seorang lelaki kepada nabi s.a.w bertanya : “Tunjukkan padaku satu amalan yang mana Allah akan mengasihiku dengan melakukannya dan manusia juga mengasihiku kerananya”. Baginda menjawab : “Amalan yang menyebabkan Allah mengasihi kamu kerana melakukannya iaitu kamu hendaklah zuhud terhadap dunia dan amalan yang menyebabkan kamu akan dikasihi oleh manusia maka lihatlah benda yang runtuh ini dan berikanlah kepada mereka”. Dimaksudkan dengan (bangunan yang runtuh) itu adalah perhiasan dunia dan maksud (berikanlah kepada mereka) ialah memberikannya atau meninggalkannya kepada mereka.

Sesungguhnya hadis ini menjelaskan bahawa cara untuk mencapai kasih Allah dan kasih manusia adalah dengan sifat zuhud pada dunia dan zuhud terhadap apa yang di tangan manusia, jadi apakah sifat zuhud tersebut?. Ibnu Faris dalam bukunya (Mu'jam Maqayis al-Lughah): “Perkataan الزُّهُدُ menunjukkan sesuatu yang sedikit. Kezuhudan adalah benda yang sedikit. Individu yang zuhud adalah orang yang sedikit harta. Nabi s.a.w bersabda : “Orang yang paling mulia adalah mukmin yang zuhud (sedikit harta)”. Ulama mentakrifkan : “Zuhud pada sesuatu adalah meninggalkannya kerana kecil/sedikitnya benda itu atau hina dan tinggi/mulia maruahannya berbanding perkara tersebut. Zuhud pada dunia adalah tidak berlumba-lumba untuk mencapainya atau sukanya dan mengutamakan apa yang ada di sisi Allah di negeri Akhirat berbanding apa yang ada dalam kehidupan di dunia ini, firman Allah : “Dan sesungguhnya kehidupan akhirat itulah kehidupan hakiki sekiranya meeka mengetahui”. Surah al-Ankabut: 64

## فضيلة الزهد

عن سهل بن سعد قال: جاء رجل إلى النبي (ص)، فقال: يا رسول الله، دلي على عمل إذا عملته أحبني الله وأحبنى الناس، فقال: ازهد في الدنيا يحبك الله، وازهد فيما عند الناس يحبك الناس.

في غمار الحياة المادية الطاغية وفي سعار التكاليف على لذاتها وشهواتها، وفي طوفان التمتع بها والاستزادة منها، ينبغي للمؤمن أن يعرعى حق روحه، ومطالب قلبه، وأن يستضيئ بنور التخفف من زينة الحياة الدنيا، والتلطف في الأخذ من متاعها، والحذر من الحرص عليها أو الطمع فيها، وفي مجال هذه العظة ساق إلينا رسول الله عليه الصلاة والسلام هذا الحديث ليكون عبرة وذكرى.

ولقد وردت رواية ثانية لهذا الحديث تقول: جاء رجل إلى النبي (ص) فقال: يا رسول الله دلي على عمل يحبني الله، يحبني الناس عليه، فقال: أما العمل الذي يحبك الله عليه فازهد في الدنيا، وأما العمل الذي يحبك عليه الناس فانظر هذا الحطام فانبذه إليهم. ويراد بالحطام: متاع الحياة الدنيا، وبنبذه إليهم: إعطاؤه أو تركه لهم.

ولقد أبان الحديث أن الطريق إلى محبة الله ومحبة الناس هو الزهد في الدنيا والزهد عند الناس، فما الزهد؟. لقد ذكر ابن فارس في كتابه معجم مقاييس اللغة : أن مادة الزهد تدل على قلة الشيء، وأن الزهيد هو الشيء القليل، وأن المزهد هو قليل المال. وأن الرسول عليه الصلاة والسلام قد قال: “أفضل الناس مؤمن مزهد” أي مقل. وعرف العلماء الزهد في الشيء بأنه الإعراض عنه لاستقلاله واحتقاره وارتفاع الهمة عنه، والزهد في الدنيا هو عدم التكاليف عليها أو الحب لها،

وايثار ما عند الله في الدار الآخرة على ما في هذه الحياة الدنيا: وأن الدار الآخرة هي الحيوان لو كانوا يعلمون.

Sesungguhnya al-Quran mengambil perhatian yang jelas mengutamakan akhirat daripada dunia dan melebihkan apa yang ada di sisi Allah iaitu benda yang tidak binasa berbanding apa yang ada di dunia ini yang sementara dan akan hilang.

Firman Allah s.w.t : “Tetapi kamu lebih mengutamakan kehidupan dunia,(15) padahal kehidupan akhirat lebih baik dan kekal abadi(16)”. Surah al-A’la:15 – 16

“Kamu suka harta dunia (tawanan perang), sedangkan Allah menghendaki (pahala) akhirat”. Surah al-Anfal:67

“Mereka merasa gembira mendapat kemewahan hidup di dunia. Sebenarnya kehidupan dunia ini kalau dibandingkan dengan kehidupan akhirat hanya merupakan kesenangan yang sebentar sahaja”. Surah ar-Ra’d:26

“Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanya satu kesenangan sementara. Tetapi kehidupan akhirat adalah kehidupan yang abadi”. Surah al-Mukmin:39

Rasulullah s.a.w datang membawa contoh yang tinggi tentang zuhud dan menjauhkan/meninggalkan kesenangan hidup. Baginda pernah berdoa : “Ya Allah hidupkanlah aku dalam keadaan miskin dan matikanlah aku juga dalam keadaan miskin serta himpunkanlah aku di kalangan orang-orang miskin”. Setelah ditawarkan oleh tuhan kepada menjadi kaya, beliau memohon kepada tuhan supaya menjadikannya di dunia ini sekadar dapat kenyang seketika maka ia akan memuji dan lapar di ketika yang lain mak ia akan meminta/memohon dan berharap padaNya.

Nabi s.a.w berkata kepada para sahabatnya /umatnya : “ Jangan kamu memakai kain sutera atau campuran sutera. Jangan kamu minum dalam bekas yang diperbuat daripada emas atau perak. Jangan kamu makan dalam pinggan keduanya kerana semua itu untuk mereka (orang kafir) dan untuk kamu hanyalah di akhirat”.

Baginda bersabda dalam hadis lain menggambarkan seorang zahid yang mulia lagi terpuji : “Manusia yang paling zuhud adalah orang yang tidak melupakan kubur dan ujian, meninggalkan perhiasan dunia dan memilih perkara yang kekal. Ia tiadak menganggap hari esok adalah antara hari-hari hidupnya dan menghitung dirinya di kalangan orang yang mati”.

Apabila kita perhati kepada tempat-tempat yang memperkatakan tentang zuhud dan punca/asalnya maka kita akan temui ianya berpaksikan tiga asas :

Pertama : Yakin dan percaya kepada Allah dengan kepercayaan yang mengatasi segala kepercayaan kepada pada yang lain.

Kedua : Seseorang dapat menanggung musibah dan tidak merasa kesempitan/keluh kesah.

Ketiga : Tidak dipengaruhi oleh pujian atau celaan.

Oleh kerana itulah Yunus bin Maisarah berkata : “Bukanlah zuhud terhadap dunia itu mengharamkan perkara yang halal atau merosakkan harta, tetapi sifat zuhud terhadap dunia itu adalah apa yang ada di tangan Allah lebih kamu percayai daripada apa yang ada pada tanganmu. Keadaan kamu ketika musibah dan ketika tidak ditimpa musibah adalah sama. Orang yang memuji dan mencela kamu adalah sama”.

ولقد عنى القرآن الكريم عناية واضحة بإيثار الآخرة على الأولى، وتفضيل ما

عند الله - وهو ما لا ينفد - على ما في الدنيا وهو حائل زائل.

فقال عز من قائل : بل تؤثرون الحياة الدنيا والآخرة خير وأبقى.

وقال : تريدون عرض الدنيا والله يريد الآخرة.

وقال : وفرحوا بالحياة الدنيا وما الحياة الدنيا في الآخرة إلا متاع.

وقال : إنما هذه الحياة الدنيا متاع وإن الآخرة هي دار القرار.

وحاء الرسول عليه الصلاة والسلام فضرب المثل الأعلى في الزهد، والإعراض

عن ملذات الحياة، فقال: اللهم أحيني مسكينا، واحشرنى في زمرة المساكين. ولما عرض

عليه ربه أن يكون غنيا سأل رب أن يجعله في الحياة بحيث يشبع حيناً فيحمده، ويجوع

حيناً فيسأله ويرجوه.

وقال صلوات الله وسلامه عليه لأتباعه: لا تلبسوا الحرير ولا الديباج، ولا تشربوا

في إناء الذهب والفضة، ولا تأكلوا في صحافهما، فإنها لهم في الدنيا، ولكم في الآخرة.

وقال في حديث آخر يصور الزاهد الفاضل الكامل: أزهده الناس من لم ينس

القبر والبلى، وترك زينة الدنيا وآثر ما لا يغنى على ما يغني. ولم يعد غدا من أيامه، وعد

نفسه من الموتى.

وإذا نظرنا إلى مواطن الزهد وأصوله وجدنا يقوم على ثلاث دعائم: الأولى منها

هي الثقة بالله تفوق كل ثقة. والثانية هي أن يحسن المرء احتمال المصيبة ولا يضيق بها.

والثالثة ألا يتأثر بالمدح أو الذم.

ولذلك قال يونس بن ميسرة: ليست الزهادة في الدنيا بتحریم الحلال ولا إضاعة

المال، ولكن الزهادة في الدنيا أن تكون بما في يد الله أوثق منك بما في يدك، وأن تكون

حالك في المصيبة وحالك إذا لم تصب بها سواء، وأن يكون مادحك وذامك في الحق

سواء.

Al-Hasan berkata : “ Antara tanda lemah keyakinan kamu adalah kamu rasakan apa yang ada di tangan kamu lebih kamu dipercayai bagi kamu berbanding apa yang ada di tangan Allah s.w.t”.

Ibrahim bin Adham membahagikan sifat zuhud kepada tiga bahagian : Pertama : Zuhud yang wajib, iaitu zuhud (meninggalkan) Perkara haram. Kedua : Zuhud yang mulia, iaitu zuhud terhadap perkara Halal. Ketiga : Zuhud yang selamat, iaitu zuhud terhadap perkara syubhat.

Bentuk yang nyata tentang zuhud yang mulia lagi terpuji adlah zuhud terhadap pangkat, kemasyhuran, terkenal atau jawatan. Kerana itulah orang-orang terdahulu berkata : “Sesungguhnya zuhud pada pangkat atau menjadi ketua adalah lebih tinggi kedudukannya daripada zuhud pada emas dan perak”.

Zuhud pada dunia bagi orang yang gagah dan sihat adalah mampu berusaha mencari rezeki yang halal dan memperolehinya kebaikannya. Di samping itu mereka tidak di kuasai oleh rasa cintakannya atau menjadi hamba kepada harta, bahkan mereka dapat mengumpulkan daripadanya kebaikan yang banyak dan kadang-kadang mereka memperolehinya harta yang banyak. Namun mereka tidak kikir dan kedekut bahkan mereka pemurah dan dermawan, tangan-tangan mereka terbuka dengan usaha/sumbangan ke arah kebaikan dan tempat-tempat kebaikan.

Sifat zuhud yang sah dan benar tidak berlawanan dengan mengambil habuan yang sesuai daripada perhiasan hidup yang baik. Firman Allah s.w.t : “Tanyakanlah (wahai Muhammad) : Siapa yang mengharam pakaian yang indah dari Allah, yang dikurniakan kepada para hambaNya dan makanan yang enak-enak?”. Surah al-A'raf :32.

Rasulullah s.a.w ada bersabda : “Perkara yang menyukakan aku daripada dunia kamu ini adalah wanita, wangian dan penyejuk mata hatiku adalah sembahyang”.

Abu Muslim al-Khuli berkata: “bukanlah zuhud terhadap dunia itu dengan mengharamkan/(membuang) perkara halal atau mensia-siakan harta tetapi zuhud terhadap dunia itu adalah apa yang ada di tangan Allah itu lebih ia yakin daripada apa yang ada di tangannya. Apabila kamu ditimpa musibah kamu sangat mengharap pahalanya dan habuannya sekiranya musibah itu uterus berkekalan bersamamu”.

وقال الحسن: إن من ضعف يقينك أن تكون بما في يدك أوثق منك بما في يد الله عزوجل.

ولقد قسم إبراهيم بن أدهم الزهد إلى ثلاثة أنواع: الأول زهد الفرض وهو الزهد في الحرام. والثاني زهد الفضل وهو الزهد في الحلال. والثالث زهد السلامة وهو الزهد في الشبهات.

وأوضح ألوان الزهد الجليل النبيل: الزهد في الجاه والشهر والسمعة والمناصب. ولذلك قال الأولون: إن الزاهد في الجاه والرياسة أقوى من الزاهد في الذهب والفضة.

والزهد في الدنيا عند الأقوياء الأصحاء هو أن يقتدروا على كسب حلالها، وأن يجوزوا خيرها، ومع ذلك لا تستحوذ عليهم محبتها ولا تستعبدهم أموالها بل قد يجمعون منها الطيب الغزير، وقد يحوز العظيم أو الكثير ومع ذلك لا يشحون ولا ييخلون، بل يجودون ويسمحون وتنسبط أيادهم بالبذل في وجوه الخير ومواطن البر.

كما أن الزهد الصحيح الصادق لا يتعارض مع أخذ الحظ المناسب من متاع الحياة الطيب، فالقرآن الكريم يقول: قل من حرم زينة الله التي أخرج لعباده الطيبات من الرزق.

والرسول عليه الصلاة والسلام قد قال: حُب إليّ من دنياكم النساء والطيب وقرّة عيني في الصلاة.

وقال أبو مسلم الخولاني: ليست الزهادة في الدنيا بتحريم الحلال ولا إضاعة المال، ولكن الزهادة في الدنيا أن تكون بما في يد الله أوثق منك بما في يدك، وإذا أصبت مصيبة كنت أشد رجاء لأجرها وذخرها من إياها لو بقيت لك.

Kita perhati bahawa hadis yang mulia ini memberi maksud bahawa manusia yang mencari-cari untuk mendapat kepercayaan manusia/dikasihi manusia adalah sesuatu yang bukan kesamaran pada syara' berdasarkan cara Rasulullah menunjuk / menjelaskan kepada lelaki yang bertanya jalan yang menyampaikannya kepada kasih manusia. Sekiranya mencari kasih manusia bukan perkara yang baik pada pandangan syara' nescaya Rasul tidak akan melakarkan jalannya. Sebagaimana yang telah dimaklumi perkara yang mendatangkan/menimbulkan kepercayaan dan kesukaan mereka adalah pada adatnya merupakan perkara mulia lagi terpuji, kerana itulah ada pendapat mengatakan : "Lidah budi pekerti itu adalah suara-suara kebenaran".

Bermain di bibir generasi terdahulu perkataan indah tentang zuhud dan menjelaskan hakikatnya. Wahab bin Ward berkata : "Zuhud pada dunia ialah jangan kamu putus asa di atas apa yang hilang dan jangan gembira dengan apa yang diberikan kepada kamu.

Sufian thauri berkata: "Zuhud pada dunia adalah pendek angan-angan, tidak makan terlalu banyak dan tidak memakai pakaian yang mahal-mahal." Abu Sulaiman ad-Darani berkata : "Zuhud adalah meninggalkan perkara yang menyibukkan kamu daripada (mengingati) Allah s.w.t".

Al-Fadl bin Iyad berkata : "Asal zuhud itu adalah reda terhadap Allah s.w.t". al-Harith al-Muhasibi berkata : "Zuhud itu mendatangkan kerehatan". Ahmad bin Abi Hawari berkata : "Sesiapa yang mengenali dunia maka pasti ia akan zuhud padanya, sesiapa yang mengenali akhirat pasti ia akan gemar padanya dan sesiapa yang mengenali Allah s.w.t akan mengutamakan keredaanNya". Yahya bin Muaz berkata: "Zuhud itu ada tiga perkara: sedikit(hartanya), sentiasa bersendirian (bersama Allah) dan sentiasa lapar".

Syah al-Karamaani berkata : "Tanda zuhud itu pendek angan-angan". Muhammad bin al-Fadl berkata: Dunia itu adalah perut kamu, mengikut kadar zuhud kamu pada perut kamu itulah tanda zuhud kamu pada dunia".

Al-Hasan berkata: "Orang yang zuhud adalah apabila ia melihat seseorang ia akan berkata orang itu lebih baik daripadaku". Az-Zuhri berkata : "Orang yang zuhud adalah orang yang mana perkara haram tidak dapat mengatasi kesabaran dan perkara halal tidak menyibukkannya daripada bersyukur/mensyukurinya".

Rabiah berkata : "Kemuncak sifat zuhud itu adalah mengumpul sesuatu dengan cara yang benar kemudian meletakkannya di tempatnya yang sebenar". As-Sabli berkata : "Zuhud itu memalingkan hati daripada sesuatu benda kepada tuhan pencipta segala sesuatu tersebut".

ونلاحظ أن الحديث الشريف يفهم منه أن تطلع الإنسان إلى نيل حب الناس أمر لا غبار عليه شرعا، بدليل أن الرسول أرشد الرجل السائل إلى الطريق الذي يصل به إلى محبة الناس، فلو لم يكن نيل محبة الناس أمرا جميلا في نظر الشرع لما رسم الرسول طريقه. ومن المعروف أن الذي ينال ثقة الناس ومحبتهم يكون في العادة فاضلا كريما. ولذلك قيل: إن ألسنة الخلق أصوات الحق.

ولقد جرت على ألسنة السلف الصالح كلمات نوابغ في الزهد، وتحديد حقيقته واصلوه، فقال وهب بن ورد: الزهد في الدنيا ألا تأس على ما فات منها، ولا تفرح بما أتاك منها.

وقال سفيان الثوري: الزهد في الدنيا قصر الأمل، ليس بأكل الغليظ، ولا بلبس العباء. وقال أبو سليمان الداراني: الزهد تر ما أشغلك عن الله عز وجل.

وقال الفضيل بن عياض: أصل الزهد الرضا عن الله تعالى. وقال الحارث المحاسبي: الزهد يورث الراحة. وقال أحمد بن أبي الحواري: من عرف الدنيا زهد فيها، ومن عرف الآخرة رغب فيها، ومن عرف الله آثر رضاه. وقال يحيى بن معاذ: الزهد ثلاثة أشياء: القلة، والخلوة، والجوع.

وقال شاه الكرمانى: علامة الزهد قصر الأمل. وقال محمد بن الفضل: الدنيا بطنك، فبقدر زهدك في بطنك يكون زهدك في الدنيا.

وقال الحسن: الزاهد الذي إذا رأى أحدا قال هو أفضل مني. وقال الزهري: الزاهد من لم يغلب الحرام صبره، ولم يشغل الحلال شكره.

وقال ربيعة: رأس الزهادة جمع الأشياء بحقها، ووضعها في حقها. وقال الشبلي: الزهد تحويل القلب من الأشياء إلى رب الأشياء.

Sekiranya kita melihat kembali kepada peninggalan yang baik daripada sastera dan kisah nescaya kita akan menemui bukti yang menggalakkan supaya bersifat zuhud dan menyukainya. Contoh-contoh seumpama ini telah disebut oleh Ibnu Abdurabbah dalam kitabnya al-Aqdul Farid daripada Atabi daripada Zaid bin Namarah berkata : “Aku mendengar seorang Badawi berkata kepada saudaranya yang sedang membina rumah:

“Wahai saudaraku,  
Kamu berada di tempat kesusahan # Maka bersedialah untuk meghadapai kesulitannya.

Jadikanlah dunia seperti hari # Kamu tahan syahwat mu.

Jadikanlah hari berbuka mu apabila # kamu akan meghadapai hari kematianmu.

Carilah kejayaan dengan kehidupan ini # sepanjang masa hidupmu.

Ia terdiam seketika kemudian mengangkat kepala sambil berkata :

“Pembawa kepada kelupaan adalah angan-angan # Dan hawa nafsu adalah pembawa kepada kehinaan.

Kejahilan membunuh pemiliknya # Dan berjayalah setiap orang yang berakal.

Rebutlah setiasa kesejahteraan # Dan mulalah kerja.

Wahai orang yang membina istana # Sesungguhnya ada masa muda dan tua.

Orang tua memberitahu tentang dirimu bahawa kamu # Berada di penghujung ajal.

Untuk apakah berdiri di # birai lemah/tua dan malas.

Kamu berada di rumah, apabila # Ada orang yang datang nescaya akan pergi.

Rumah yang sentiasa sempit # dan memberitahu dengan orang yang menetap.

Maka bersedialah untuk berangkat # tidak akan berjalan bersamanya unta.

Perjalanan yang sentiasa merentasi masa # Kesusahan dan kesukaran.

Sebagaimana yang diceritakan bahawa Hajjaj keluar pada suatu hari bersiar-siar di padang pasir lalu dibawa makanan tengahari. Beliau berkata : “Panggillah orang yang ingin makan tengahari bersama kita”. Mereka mencarinya tetapi tidak menemui sesiapa pun kecuali seorang badwi yang berselimut, lalu mereka membawanya kepada Hajjaj.

Hajjaj berkata pada lelaki itu : “ Ayuh (kita makan)”.

Lelaki itu berkata : “Aku telah dijemput oleh orang yang lebih mulia daripadamum maka aku mesti menerimanya”.

Hajjaj : “Siapa dia?”.

Lelaki itu : “Allah, Dia mengajak aku berpuasa maka aku berpuasa”.

ولو رجعنا إلى المأثور الصالح من أدبنا وقصصنا لوجدنا فيه شواهد للتحريض على الزهد والتحب فيه. فهذا ابن عبد ربه يذكر في كتابه "العقد الفريد" عن العتي عن زيد بن نمارة قال: سمعت أعرابيا يقول لأخيه وهو بيني منزلا:  
يا أخي!

أنت في دار شتات \*\* فتأهب لشتاتك

واجعل الدنيا كيوم \*\* صمته عن شهواتك

واجعل الفطر إذا ما \*\* نلته يوم مماتك

واطلب الفوز بعيش الد \*\* هر من طويل حياتك

ثم اطرق حيناً ورفع رأسه وهو يقول:

قائد الغفلة الأمل \*\* والهوى قائد الزلل

قتل الجهل أهله \*\* ونجا كل من عقل

فاغتنم دوم السلا \*\* مة واستأنف العمل

أيها المبتنى القصور \*\* وقد شاب واكتهل

أخبر شيب عنك أنك \*\* في آخرة الأجل

فعلام الوقوف في \*\* عرصة العجز والكسل

أنت في منزل إذا \*\* حله نازل رحل

منزل لم يزل يضيق \*\* وينبو بمن نزل

فتأهب لرحلة \*\* ليس يسعى بها جمل

رحلة لم تزل على ال \*\* دهر مكروهة الفقل

كما روي أن الحجاج خرج ذات يوم فأصحر، وحضر غداؤه فقال: اطلبوا من

يتغدى معنا، فلم يجدوا إلا أعرابيا في شملة فأتوه به، قال له: هلم. قال: قد دعاني من هو

أكرم منك فأجبتة. قال: ومن؟. قال: الله تبارك وتعالى، دعاني إلى الصيام فأنا صائم.

Hajjaj : “Puasa pada hari yang begitu panas ini?”  
Lelaki itu : “Aku dapat berpuasa pada hari yang lebih panas daripada hari ini lagi”.

Hajjaj : “Kamu makan hari ini dan esok kamu boleh puasa”.

Lelaki itu : “Amir boleh jamin saya dapat hidup sehingga esok hari?”.

Hajjaj : “Bukan begitu maksud aku”.

Lelaki itu : “Bagaimana kamu minta aku (tukar) perkara yang sementara ini (makanan) dengan perkara yang akan datang sedangkan kamu tidak ada kuasa terhadap perkara tersebut”.

Hajjaj : “Ini makanan yang enak”.

Lelaki itu : “Demi Allah, bukan enak roti kamu ini dan tidak juga masakannya tetapi yang menyedapkannya adalah kamu masih dalam keadaan sihat”.

Hajjaj : “Demi Allah, aku tidak pernah lihat seperti hari ini. Keluarkan dia dari sini”.

Zuhud terhadap apa yang ada pada orang lain adalah merupakan kunci untuk capai kepada kasih manusia dan dimuliakan serta dikagumi mereka, kerana seseorang apabila ia berurusan dengan orang lain dan bercampur gaul dengan mereka tanpa ada rasa tamak pada harta mereka akan menjadikannya tempat kepercayaan mereka. Ini kerana mereka yakin ia tidak bergaul dengan mereka untuk/kerana apa-apa tujuan maka ia akan menambahkan rasa terikat dan terpaat dengan rasa kasih sayang.

Apabila ada sikap tamak terhadap kepunyaan orang lain ia akan dipandang rendah pada pandangannya sendiri dan manusia kerana sifat haloba akan menghina maruah seseorang dan manusia akan mencela orang yang meminta-minta harta mereka walaupun sedikit. Seorang penyair berkata :

“Sekiranya ditanya manusia tanah nescaya mereka mengadu #

Apabila dikatakan : “kamu bawakan supaya mereka memenuhi atau menghalangnya.

Seorang ibu memberi nasihat kepada anaknya : “Wahai anakku, kamu meminta kepada manusia apa yang ada di tangan mereka adalah lebih teruk/buruk daripada kamu menjadi fakir/mengih simpati kepada mereka. Sesiapa yang kamu meminta kepada mereka maka kamu akan hina pada pandangannya. Kamu akan terus dilindungi dan dimuliakan sehingga kamu meminta dan suka. Apabila kamu ingin sesuatu hajat dan kamu dibebani/ditimpa keadaan buruk, maka jadikanlah permintaan kamu kepada tuhan yang memberi/menunaikan permintaan orang yang meminta dan orang yang dipinta. Sesungguhnya Dia tuhan yang memberi/menuanikan permintaan orang yang meminta.

قال الحجاج: وصوم في مثل هذا اليوم الحار؟

قال الرجل: صمت ليوم هو أحر منه.

قال: فأفطر اليوم وتصوم غدا.

قال الرجل: ويضمن لي الأمير أن أعيش إلى غدا؟.

قال: ليس ذلك إلي.

قال: فكيف تسألني عاجلا بأجل ليس لك إليه سبيل.

قال الحجاج: إنه طعام طيب.

قال الرجل: والله ما طيبه خبازك ولا طبابخك ولكن طيبته العافية.

قال الحجاج: بالله ما رأيت كاليوم، أخرجوه عني.

أما الزهد فيما بين أيدي الناس فهو مفتاح الوصول إلى محبتهم، وتقديرهم وإعجابهم لأن الإنسان إذا عامل الناس وخالطهم دون أن يطمع في أشياءهم، يصبح موضع الثقة عندهم، إذ يوقنون أنه لم يخالطهم لغرض أو مرض، فيزدادون بهتعلقا وإليه انجذابا وله حيا.

وإذا طمع الإنسان فيما عند الناس، فقد هان على نفسه لن الحرص يذل أعناق الرجال ولأن الناس يملون من سألهم حاجاتهم ولو كانت خفيفة. والشاعر يقول: ولو سئل الناس التراب لأوشكوا\*\* إذا قيل: هاتوا! أن يملوا ويمنعوا

ولقد قالت أعرابية لابنها توصيه: يا بني سؤالك الناس ما في أيديهم أشد من الافتقار إليهم، ومن افتقرت إليه هنت عليه. ولا تزال تحفظ، وتكرم حتى تسأل وترغب. فإذا ألحت عليك الحاجة، ولزمتك سوء الحال، فاجعل سؤالك إلى من إليه حاجة السائل والمستول، فإنه يعطي السائل.

Kami memohon di sini dengan beberapa kalimah yang didoakan oleh Rasul s.a.w :  
“Ya Allah bahagikanlah untuk kami rasa takut padaMu apa yang dapat menghalang di antara kami dan maksiat pada Kamu. Berikanlah ketaatan kami pada kamu sehingga sampai kami kepada kasih Kamu. Berikanlah rasa yakin sehingga kami memandang rendah ujian dunia yang menimpa kami. Sesungguhnya Engkau semulia-mulia tempat meminta dan sebaik-baik tempat mengharap.

وإننا لندعو هنا بالكلمات التي دعا بها الرسول عليه الصلاة والسلام فنقول:  
اللهم اقسم لنا من خشيتك ما تحول به بيننا وبين معصيتك، ومن طاعتنا لك ما  
تبلغنا به حبك، ومن اليقين ما تهون به علينا مصائب الدنيا. إنك أكرم مسئول  
وأفضل ماملول.

Daripada Sulaiman bin Yasar r.a : Bahawa Rasulullah s.a.w mengutuskan Abdullah bin Rawahah r.a ke Khaibar, maka berlakulah kira mengira/dialog di antara beliau dengan penduduk Yahudi Khaibar. Sulaiman menyambung : “Lalu mereka mengumpulkan kepadanya harta perhiasan wanita-wanita mereka dan berkata : “Ini untuk kamu, bertolak ansurlah terhadap kami dan lupakanlah perjanjian itu (bahagi dua hasil bumi). Maka Abdullah berkata : “Wahai kaum Yahudi, demi Allah kamu adalah makhluk Allah yang paling aku benci. Semua ini tidak akan mengaburiku supaya aku berlaku zalim terhadap kamu. Apa yang kamu rasuahkan ini adalah harta yang haram dan aku tidak akan menerimanya. Lalu mereka berkata : “Dengan sikap inilah keadilan akan terus menaungi kehidupan manusia (langit dan bumi akan terus berdiri teguh)”. Hadis diriwayat dari al-Muwatta’.

Hadis ini membicarakan secara ringkas beberapa persoalan yang menarik perhatian dunia masa kini, dan ianya masih menjadi bahan perbincangan sertaendorong kepada perbincangan berfokus dan serius. Hadis ini juga membicarakan dari sudut sikap Yahudi dan akhlak pegawai kerajaan dan perkara yang perlu dihiasi dalam diri seseorang daripada sifat amanah dan adil. Ianya juga menyentuh dari sudut tolak ansur kerajaan Islam ketika berurusan dengan musuh, khususnya Yahudi. Semua ini adalah permasalahan penting yang memerlukan usaha yang banyak/berterusan daripada para penulis dalam bidang penulisan, khususnya dunia Arab.

Sebelum kita membicarakan persoalan ini, kami akan menjelaskan secara ringkas tentang peristiwa Khaibar yang disebut dalam hadis ini. Khaibar adalah sebuah negeri atau bandar penting sepertimana yang dicatatkan oleh ahli sejarah, ianya terletak berhampiran dengan bandar Madinah. Khaibar merupakan tempat tinggal sebahagian penduduk Yahudi. Buminya subur dengan tanaman dan buah-buahan, tempat yang selamat dengan kubu-kubu pertahanannya. Ianya dijadikan tempat pertemuan rahsia bagi konspirasi Yahudi terhadap Islam dan menyebarkan dakwahnya menentang Islam dan nabi Islam (Muhammad s.a.w). Ianya boleh diumpamakan pada hari ini seperti Tel Aviv (Israel), dan boleh juga kita katakan : bahawa Tel Aviv itu adalah rangkaiannya. Di sana berlakunya peperangan yang terkenal antara Yahudi dan muslimin, kedua-dua pihak menghadapi ujian yang sama berat. Orang Islam terpaksa memerangi penduduknya untuk menghindarkan kejahatan mereka dan untuk melindungi dakwah Islam

## من قضايا العصر

عن سليمان بن يسار رضي الله عنه: أن رسول الله ﷺ كان يبعث عبد الله بن رواحة رضي الله عنه إلى خيبر فيخبر<sup>1</sup> بينه وبين يهود خيبر، قال: فجمعوا له حليا من حلي نساءهم. فقالوا: هذا لك، وخفف عنا، وتجاوز في القسم. فقال عبدالله: يا معشر يهود والله إنكم لأبغض خلق الله إلي، وما ذلك بحاملي على أن أحيف عليكم، فأما ما عرضتم من الرشوة فإنها سحت، وإننا لا نأكلها. فقالوا: بهذا قامت السموات والأرض. أخرجه الموطأ.

تناول هذا الحديث على جازته جملة من القضايا التي تشد انتباه العالم في هذا العصر، وما تزال مطروحة للبحث، ومبعثا للحوار الحاد والجاد، تناول الحديث ناحية من أخلاق اليهود وناحية من أخلاق موظفي الدولة، وما ينبغي أن يتحلوا به من أمانة وعدالة، كما تناول ناحية من تسامح الدولة الإسلامية في معاملة الأعداء، وبخاصة اليهود، وهذه كلها قضايا هامة تأخذ قسطا كبيرا من جهود الكتّاب، في ميادين الكتابة، وخاصة في الميدان العربي.

وقبل أن نتكلم عن هذه القضايا نشير بإيجاز إلى شأن خيبر التي وردت في الحديث. أن خيبر بلد أو مدينة هامة كما يقول المؤرخون قريبة من مدينة الرسول، كانت موطننا لبعض اليهود، وكانت أرضها خصبة ذات زروع وثمار، وكانت منيعة بقلاعها وحصونها، وقد اتخذت وكرا لمؤمرات اليهود وبث الدعاية ضد الإسلام، ونبي الإسلام، فما أشبهها اليوم بتل أبيب ولو شئنا لقلنا: إن تل أبيب امتداد لها، وبها وقعت الغزوة المعروفة بين اليهود والمسلمين فكلاهما في البلاء سواء، وقد اضطرت المسلمون لقتال أهلها، اتقاء لشرهم، وتأميننا لدعوة الإسلام

<sup>1</sup> الخرص : التقدير والظن



daripada mereka. Allah telah memberi kemenangan kepada orang Islam ketika memerangi mereka dengan menggunakan taktik perang yang baik dan (mengharungi) peperangan yang sengit. Kedua-dua pasukan telah menggunakan kekuatan dan helah (tipu muslihat perang) yang mereka miliki untuk mengalahkan musuh dan memenangi peperangan itu. Peperangan itu berakhir dengan kekalahan Yahudi setelah tentera Islam menghancurkan dan melemahkan kekuatan mereka. Dan nabi s.a.w menerima perjanjian damai yang mereka tawarkan iaitu mereka dibenarkan tinggal di rumah-rumah mereka dan boleh mengusahakan tanah mereka dengan syarat mereka dapat miliki separuh hasil bumi yang mereka usahakan dan separuh lagi untuk orang Islam.

Itulah secara ringkas tentang peristiwa Khaibar. Isu yang dibincangkan oleh hadis ini adalah dari sudut sikap Yahudi. Gambaran luaran mereka adalah seperti hakikat sebenar diri mereka iaitu hamba kepada harta yang memandang ringan nilai agama dalam mengejanya (menghalalkan segala bentuk usaha/cara untuk memperolehi harta), tidak mengambil kira maruah diri dalam mencapai apa yang diinginkan atau kehormatan, kemuliaan diri, peraturan/undang-undang ataupun agama. Al-Quran telah merakamkan tentang golongan ini, mereka yang menjual agama mereka dengan (habuan) dunia. Mereka menukar Kalam Allah dengan ucapan mereka dan mengatakan ianya daripada Allah. Mereka selewengkan Kalam Allah daripada asalnya dengan bayaran harga yang sedikit, mereka tidak menghiraukan azab Allah yang (yang akan dikenakan) kerana jenayah mereka. Firman Allah s.w.t : “Celakalah orang-orang yang menulis kitab Taurat menurut tangannya sendiri, lalu mereka katakan bahawa ini benar-benar dari Allah untuk memperolehi sedikit keuntungan. Celakalah mereka itu kerana tulisan mereka sendiri dan celakalah mereka kerana apa yang mereka usahakan”. Surah al-Baqarah : 79. Dan firman Allah s.w.t lagi : “Apakah kamu masih mengharap mereka akan percaya kepadamu, pada hal segolongan daripada mereka mendengar firman Allah, lalu mereka mengubahnya setelah mereka memahaminya, sedangkan mereka mengetahui?”. Surah al-Baqarah : 75.

Dalam hadis ini terdapat satu bentuk rasuah yang diamalkan dan menjadi kebiasaan juga merupakan ciri-ciri khas dalam kehidupan mereka. Mereka berusaha menggunakan rasuah terhadap Abdullah bin Rawahah iaitu pegawai kerajaan Islam yang ditugaskan mengutip harta yang mereka janjikan (dalam perjanjian) dengan Rasulullah s.a.w supaya beliau bertolak ansur dengan mereka dalam pembahagian harta tersebut dan mereka diberi bahagian yang lebih banyak berbanding dari apa yang disyaratkan dalam perjanjian itu. Mereka berusaha memberi rasuah yang menarik. Lalu mereka mengumpulkan perhiasan isteri-isteri mereka yang ada dan mereka menawarkannya supaya beliau mengambilnya dan mereka mendapat bahagian tersebut. Namun mereka kecewa dan sedih serta tidak berhasil usaha mereka. Sifat diri yang mulia menghalang Abdullah daripada menerima apa yang mereka tawarkan. Penolakannya itu sebagai satu peluang untuk mengajar mereka

منهم، وكتب الله للمسلمين النصر عليهم بعد مناورات ذكية واعية، ومعارك ضارية دامية، وبذل فيها كل من الفريقين ما استطاع من حول وحيلة، للظفر بصاحبه، والغلبة عليه، وانتهى أمر تلك المعركة بخضوع اليهود بعد أن كسر المسلمون شوكتهم، واستنزفوا قوتهم، وبقبول النبي ﷺ مصالحتهم التي عرضوها عليه على أن يقيموا في ديارهم، ويعملوا بأرضهم، وأن يكون لهم النصف مما تغل الأرض، وللمسلمين النصف.

ذلك حديث خبير، أما القضايا التي تناولها الحديث، فقد تناول الناحية الخلقية لليهود، وصورهم كواقعهم عبدة للمال يستهينون في سبيله بكل القيم، ولا اعتداد في سبيل الوصول إليه بمروءة، ولا شرف، ولا كرامة ولا قانون، ولا دين، وقد سجل عليهم القرآن الكريم أنهم باعوا دينهم بدنياهم، واستبدلوا بكلام الله كلاما من عند أنفسهم، ونسبوا إليه، وحرّفوا كلمه عن مواضعه بأثمان قليلة، ولم يبالوا بعذاب الله على جناياهم. فقال جل شأنه : [ فويل للذين يكتبون الكتاب بأيديهم ثم يقولون هذا من عند الله ليشتروا به ثمنا قليلا فويل لهم مما كتبت ايديهم وويل لهم مما يكسبون ]. وقال عز من قائل : [ أفتظنم أن يؤمنوا لكم وقد كان فريق منهم يسمعون كلم الله ثم يحرفونه من بعد ما عقلوه وهم يعملون ].

وفي هذا الحديث صور الرشوة التي ترمسوا بها واعتادوها فأصبحت من خصائصهم في حياتهم. فقد حاولوا أن يستخدموا الرشوة مع عبدالله بن رواحة عامل المسلمين في تحصيل الأموال التي صالحهم عليها رسول الله ﷺ ليتساهل معهم في القسمة ويعطيهم أكثر مما جعل لهم في المصلحة، واحتالوا أن يجعلوا الرشوة مغرية، فجمعوا له من حلي نسائهم ما شاءوا، وعرضوه عليه ليأخذه، ويرجح لهم في نصيبهم، ولكن خاب فألهم وضل سعيهم، فقد أبت على عبدالله عفته أن يستجيب لما دعاوا إليه، وجعل من رفضه لذلك فرصة لأن يلقي عليهم درسا في

tentang dasar-dasar Islam. Perkara yang dapat mengajar mereka daripada peristiwa tersebut iaitu perlunya sikap amanah dalam kerja. Pegawai kerajaan perlu ada pegangan agama. Sikap amanahnya itu sebagai benteng daripada penyelewengan sekalipun keadaannya amat memerlukan dan dalam kesempitan, ataupun tawaran itu lumayan dan menarik. Ia jadikan dirinya sebagai contoh dan teladan. Ibnu Rawahah dalam situasi begini mungkin menerima tawaran ini kerana gajinya sedikit dan tawaran rasuah yang menarik lagi lumayan yang menyamai gajinya untuk beberapa tahun, namun benteng agama dan akhlaknya lebih kuat daripada tawaran harta yang lumayan yang cukup bernilai dan banyak.

Di antara pengajaran yang mereka perolehi adalah bahawa rasuah adalah haram bagi orang Islam. Ianya adalah harta haram dan makan harta manusia secara batil. Ianya diharamkan dalam hubungan antara individu dan amat ditegah dalam urusan umum di antara pegawai kerajaan dan orang ramai, kerana pegawai apabila ia mengkhianati dalam urusan ini maka ia telah mengkhianati seluruh rakyat.

Di antara pengajaran lain yang mereka perolehi adalah perlunya memelihara / berlaku adil dalam setiap urusan walaupun ada ikatan di antara pelanggan dan pekerja dari sudut kasih sayang atau kebencian atau berbeza keturunan dan agama. Ini kerana kebencian Ibnu Rawahah terhadap Yahudi dan berbeza dengan mereka di segi agama tidak membawa /menyebabkan beliau tidak berlaku adil dalam pembahagian harta tersebut dan menggunakan kuasa kerajaan dan kekuatannya untuk menzalimi mereka serta menenangkan mereka bahawa ia akan berlaku adil walaupun terdapat perkara tersebut dan menghina mereka dengan menolak rasuah mereka dan mengucapkan kata-kata yang indah serta menarik yang lahir dari hati / jiwa yang penuh dengan keredaan dan terbuka : “Wahai kaum Yahudi, demi Allah kamu adalah makhluk Allah yang paling aku benci. Semua ini tidak akan mengaburiku supaya aku berlaku zalim terhadap kamu”. Seolah-olah perkataan ini diambil dari firman Allah s.w.t : “ Dan janganlah kebencianmu kepada sesuatu kaum menyebabkan kamu tidak adil. Berbuat adilillah kerana (adil) itu lebih mendekatkan kepada ketakwaan”. Surah al-Maidah : 8.

Dengan kata-kata ini dan cara tersebut, Ibnu Rawahah enggan menerima persaksian Yahudi dan ianya menimbulkan rasa kagum mereka dengan keadilan Islam. Dengan keadilan ini akan terus terserlah cahayanya dan menerangi seluruh dunia. Dengan keadilanlah akan terus kekal langit dan bumi sepertimana yang mereka katakan. Kita berhenti sejenak di sini bersama pegawai kerajaan pada masa kini untuk kita berikan contoh seorang pegawai kerajaan yang belum lagi maju,

مبادئ الإسلام وكان مما علمهم إياه من ذلك، وجوب الأمانة في العمل، وأن موظف الدولة يجب أن يكون له دينه، وامانته حصانة من الانحراف مهما كانت حاله من الحاجة، من الإملاق، ومهما كانت دواعي الإغراء والتأثير، وجعل من نفسه مثلاً قدوة، فبن راحة في موقفه هذا كان محصلاً، قليل الأجر، وكان مما أغرى به من الرشوة ذا قيمة تعدل أجره في سنوات ولكن كانت حصانته بدينه وخلقه أعظم مما تعرض له من الإغراء بالمال مما تعاضمت قيمته وكثر قدره.

ومما علمهم إياه في درسه هذا أن الرشوة حرام على المسلمين، وأنها سحت وأكل لأموال الناس بالباطل، وأنها إذا حرمت في العلاقات الفردية فهي أشد حرمة في العلاقات العامة بين عمال الدولة، ورعاياها، لأن الموظف إذ يخون في تلك العلاقات فإنما يؤدي بخيانته رعايا الدولة جميعاً،

ومما علمهم إياه في هذا الدرس، وجوب مراعاة العدالة في المعاملة مهما كانت علاقة المتعاملين بالعاملين من حب أو بغض أو اختلاف في الجنس والدين. إذ لم تحمل كراهية ابن راحة اليهود، اختلافه معهم في الدين على أن يظلمهم في القسمة، ويستغل سيطرة الدولة وقوتها في الحيف عليهم، وطمأنهم على أنه سيعدل بينهم رغم ذلك كله، ورغم انه أخزاهم برفض رشوتهم. وقال تلك الكلمة الحلوة العذبة التي تقع من النفوس موقع الرضا والقبول: يا معشر يهود والله إنكم لأبغض خلق الله إلي، وما ذلك بجمالي على أن أحيف عليكم" وكأنه في هذا يستلهم قول الله تعالى: [ ولا يجز منكم شئنا قوم على ألا تعدلوا اعدلوا هو أقرب للتقوى ]

وبهذه الكلمة وبهذا التصرف انتزع ابن راحة شهادة اليهود، وإعجابهم بعدالة الإسلام، وأنه بهذه العدالة سيسيطر نوره، ويعم الآفاق ضيأؤه، فبالعدل قامت السموات والأرض، كما قالوا: وإننا لنقف هنا وقفة قصيرة مع موظفي الدولة في هذا العصر لنقدم هذا النموذج من موظفي الدولة الذين لم يبعد عهدهم

tidak belajar di kolej atau universiti, tidak belajar tugas-tugas pegawai atau asas-asas pentadbiran. Bagaimana ia boleh menguruskan pelanggannya dengan amanah dan jujur/benar serta dapat memberi layanan yang baik dan dapat menyempurnakan tugasnya serta tidak mengabaikan sedikit pun hak kerajaan.

Akhirnya dalam hadis ini terdapat satu contoh tolak ansur kerajaan Islam terhadap musuhnya. Rasul s.a.w menerima permintaan Yahudi untuk terus tinggal di rumah kediaman mereka dan bercucuk tanam. Mereka dapat ambil separuh daripada hasilnya untuk menyara kehidupan mereka. Natijah daripada perjanjian damai itu ada kebbaikannya untuk orang Yahudi, mereka dapat tinggal di rumah mereka dan dijamin rezeki mereka. Dan juga kebaikan untuk orang Islam kerana mereka meninggalkan kerja bertani dan menumpukan/berjuang mengukuhkan dakwah Islam. Kemahiran mereka dalam menguruskan tanah kurang berbanding Yahudi pada masa itu. Tindakan nabi s.a.w terhadap Yahudi di bumi Khaibar dan membahagi dua kekayaannya merupakan asas bagi hukum yang berkaitan dengan pertanian dalam Islam. Telah berlaku perselisihan pandangan di kalangan ulamak mengikut apa yang mereka fahami daripada nas tersebut dan nas-nas lain yang membicarakan tajuk ini. Dan penjelasan secara lebih terperinci perkara tersebut dapat diketahui daripada kitab-kitab fekah.

بالبداءة، ولم يدخلوا معهدا، ولا جامعة، ولم يدرسوا لوائح الموظفين، ولا قواعد الإدارة، وكيف تصرف مع معامليه في أمانة، ورفق وكياسة، ووقف منهم موقف المعلم للأخلاق والأدب وقواعد المعاملة من أمانة وصدق فظفر باستحسانهم وانجز عمله، ولم يبخس من حقوق الدولة شيئا.

وفي الحديث أخيرا مثل من أمثلة تسامح الدولة الإسلامية مع أعدائها، فقد أجاب الرسول طلب اليهود أن يقيموا في ديارهم ليقيموا باستزراع الأرض، ويأخذوا النصف مما تغله ليستكفوا به في معاشهم، ولقد كان فيما انتهى إليه الصلح مصلحة لليهود، حيث لبثوا بمقتضاه لافي ديارهم، وكفلوا أرزاقهم، ومصلحة للمسلمين أيضا حيث كانوا في شغل عن فلاحه الأرض بالنضال في ترسيخ الدعوة، وكانت خبرتهم باستثمار الأرض دون خبرة اليهود إذ ذاك، وقد اتخذت معاملة النبي ﷺ لليهود في أرضخيبر، ومناصفتهم في غلتها أساسا لأحكام المزارعة في الإسلام، ودار حولها اختلاف الأئمة حسبما تصوره من ذلك النص وغيره من النصوص التي وردت في هذا الموضوع، ويعرف تفصيل ذلك من كتب الفروع.

Abu Usman berkata : Beberapa pengkritik bahasa (perkataan dan maknanya) berpendapat: Maksud tersirat yang terdapat dalam hati manusia, yang tergambar di benak fikiran mereka, yang menerjah dalam jiwa, yang bertaut pada cetusan idea, yang menceritakan fikiran mereka - semua ini adalah terlindung dan tersembunyi, jauh terpencil, yang tertutup lagi tersembunyi, ada dalam makna tiada, manusia tidak mengetahui isi hati tuannya atau keperluan saudara dan teman pergaulan. Tiada erti perkongsian dan bantuan dalam (menyelesaikan) permasalahan serta keperluan jiwa yang tidak dapat dicapai kecuali dengan perkara yang lain (yang menjelaskannya). Sesungguhnya maksud-maksud ini hidup dalam sebutan, penyampaian dan penggunaan mereka. Sifat-sifat ini yang memudahkan kefahaman, jelas pada fikiran serta menjadikan sesuatu yang tersembunyi itu menjadi nyata, yang hilang menjadi hadir (dapat dilihat) dan yang jauh menjadi dekat. Ianya dapat menjelaskan kesamaran, merungkai perkara yang sukar difahami, menjadikan perkataan kosong mempunyai makna atau makna yang terikat menjadi terbuka, yang tidak diketahui akan dikenali, yang jarang digunakan menjadi mudah digunakan, yang tidak dapat dibezakan menjadi dapat dibezakan dan perkataan yang dapat dibezakan menjadi biasa digunakan (mudah difahami). Berdasarkan maksud yang jelas, betul isyaratnya, ringkasan yang baik, membuka bicara dengan teliti akan menjadikan maksudnya nyata dan jelas.

Bersambung .....

## البيان

قال أبو عثمان: قال بعض جهابذة الألفاظ ونقاد المعاني: المعاني القائمة في صدور الناس، المتصورة في أذهانهم، والمتخلجة في نفوسهم، والمتصلة بخواطرهم، والحادثة عن فكرهم، مستورة خفية، وبعيدة وحشية، ومحجوبة مكنونة، وموجودة في معنى معدومة، لا يعرف الإنسان ضمير صاحبه، ولا حاجة أخيه وخليطه، ولا معنى شريكه والمعاون له على أموره وعلى ما لا يبلغه من حاجات نفسه إلا بغيره. وإنما تحيا تلك المعاني في ذكرهم لها وإخبارهم عنها، واستعمالهم إياها. وهذه الخصال التي تقر بها من الفهم وتحليها للعقل وتجعل الخفي منها ظاهرا، والغائب شاهدا والبعيد قريبا.

<sup>2</sup> Al bayan : isyarat dan maksud ungkapan yang jelas.

Bentuk ini adalah keindahan bahasa yang sering digunakan oleh sasterawan samada penulis atau penyair. Mereka membezakan sesuatu ayat samada baik atau tidak dengan penggunaan bentuk ini. Anda akan dapat lihat antara ayat yang rendah dan tinggi bahasanya sehingga anda akan menemui ayat yang begitu indah dengan bahasa dan susunan ayat yang baik serta pengertiannya yang indah.

Apabila kami membincangkan tentang balaghah al Quran, maka kami datangkan bentuk ini dan anda akan perhatikan perkataannya dari sudut 'kefasihannya', 'susunannya' yang mana setiap perkataan diletakkan di tempatnya, 'maksudnya' dalam menggambarkan maksud dan menyampaikannya kepada fikiran pendengar dengan mudah dan tidak berbelit-belit, 'ayatnya' mempunyai maksud yang menepati suasana semasa dituturkannya.

'*Kefasihan perkataan*'- anda tidak menemui kecuali perkataan yang mudah dan difahami oleh pendengar.

'*Susunan perkataan yang kemas*' - susunan ayatnya begitu menarik dan anda yang mahir ilmu Balaghah untuk mengatakan ayat ini sepatutnya di tempat lain bukan di sini atau sekiranya ditukar perkataan ini dengan perkataan lain maka ayatnya lebih sesuai.

Perkataannya yang digunakan menepati maksudnya, jalinan ayat yang sesuai dan berkait antara satu sama lain. Penggunaan ayat 'mu'taridah'<sup>3</sup> di antara dua perkataan atau dua ayat yang berkaitan bagaikan susunan ayat yang kemas dan tidak mencacatkan makna. Akal tidak merasakan ayat mu'taridah memisahkan di antara perkataan/ayat pertama dengan perkataan/ayat kedua yang saling berkaitan. *Pengertiannya jelas dan tersusun* telah menyampaikan kepada maksud yang dikehendaki dan dapat difahami oleh akal. Anda dapat melihat di dalamnya perumpamaan yang menarik, contoh-contoh yang indah, ayat metafora yang santai, ayat kata pinjam yang baik, ayat kiasan yang pelbagai dan olahan ayat yang menepati keadaan sebenar yang menjadikan ianya begitu indah daripada ayat yang begitu jelas.

Terlintas di benak fikiran anda bahawa di dalam al Quran terdapat ayat-ayat kesamaran. Sebenarnya yang tidak diragukan bahawa tidak ada kesamaran di dalam al Quran bagi orang yang memerhati dengan matahati, memahami kandungannya. Ia dibekalkan dengan kaedah bahasa Arab dan memancarkan seni Balaghahnya.

Bukanlah dalam Al-Quran terdapat ayat kesamaran dengan maksud bahawa ayat-ayat tersebut tidak boleh difahami dan diperjelaskan maksudnya kepada manusia ketika membaca dan mendengarnya tanpa memberi apa-apa faedah dari sudut ilmiah atau sastera.

<sup>3</sup> Ayat yang mempunyai maksud yang tidak berkaitan dengan ayat selepasnya.

## بَلَاغَةُ الْقُرْآنِ

### Keindahan Al Quran

Dakwah Islam mempunyai bukti yang jelas bahawa ia adalah dakwah yang sebenar dan kata-kata yang benar. Bukti yang paling kukuh dan dapat memenuhi hati manusia dengan keyakinan ialah kitab yang diturunkan oleh Ruhul Amin (Jibril) kepada nabi terakhir (nabi Muhammad s.a.w). Sekiranya tidak ada sumber lain kecuali kitab ini, ianya sudah mencukupi untuk dakwah Islam dalam menegakkan hujah bahawa dakwah ini adalah risalah yang lengkap dan kekal abadi.

Untuk mengkaji keajaiban al Quran terdapat beberapa pendekatan yang dibawa oleh ahli tafsir dan ahli bahasa. Mereka telah menyingkap tabir pelbagai rahsia al Quran dan menemui hakikatnya yang begitu hebat. Sudut yang kita akan bincangkan dalam tulisan ini adalah dari sudut ilmu Balaghah dan keindahan bahasanya.

Kata-kata yang indah ialah perkataan yang digunakan adalah fasih, susunannya teratur dan pengertiannya jelas dan difahami.

*Perkataan yang fasih* ialah perkataan yang mudah disebut, senang didengar dan perasaan tertarik dengannya. Perkataan ini digunakan dalam pertuturan orang Arab atau mengikut kaedah bahasa Arab.

*Susunan ayatnya teratur* bermaksud setiap kalimah digunakan mengikut kesesuaiannya dan sentiasa berkait di antara satu kalimah dengan yang lain. Anda tidak mungkin boleh mengkritik susunannya yang begitu kemas dan teratur.

*Pengertiannya jelas dan difahami* bermaksud kata-kata ini mengetuk pendengaran anda dan hatimu terus memahami dengan pantas. Ini mengikut keadaan pendengar sama ada pintar atau kurang kefahamannya, juga mengikut keadaan pengertiannya dari sudut zahirnya atau sumbernya atau sukar makna tersebut.

*Teratur maksud ayatnya* dapat dipastikan dengan mengeluarkan pengertiannya dengan cara memperlihatkan kepada anda dalam bentuk yang paling indah dan menarik seperti bentuk 'Tasybih' (perumpamaan), contoh-contoh, metafora dan kiasan disertakan dengan qarinah yang menjadikan tujuan orang yang bercakap akan mudah difahami oleh pendengar.

*Pengertiannya jelas dan sempurna* adalah dengan perkataannya memberi gambaran maksud yang dikehendaki oleh penutur yang fasih kepada pendengar dengan sempurna. Ayat menggunakan perkataan dan gaya bahasa seperti cermin bersih yang membentangkan makna-makna yang tidak hilang dari akal anda sedikit pun dan maksudnya sempurna. Pengertian begini dibincangkan dalam ilmu Balaghah dan dikenali sebagai turutan susunan ayat. Bentuk ini banyak diperbincangkan dalam kitab tafsir.

Dari sudut maksud ayat yang menyeluruh dan menepati keadaan sebenar. Anda memerhati ayat dan memahami makna yang dikehendaki, sekiranya diulang bacanya anda akan memperolehi pelbagai keistimewaan di dalamnya sama ada bentuk hukum hakam, hujah-hujah, nasihat atau hikmah yang menjelaskan jalan petunjuk dan menyusun urusan kehidupan serta meningkatkan jiwa sehingga ke peringkat berjaya di dunia dan akhirat.

Al Quran berada di tempat yang paling tinggi dari sudut sastera sekalipun pelbagai perkara disebut dan diperkatakan di dalamnya. Jika dibandingkan ucapan makhluk yang begitu bernilai tetapi masih lemah berbanding dengan al Quran.

Anda dapati ahli sastera yang hebat dan hati anda terpaut dengan hasilnya yang baik apabila ia bercakap dengan panjang lebar maka anda akan temui dalam ayat atau bait-bait syair jelas berbeza dari sudut keindahan bahasanya. Anda dapat menilai lemahnya dan boleh mengemukakan kritikan yang baik di akhir ucapan tersebut seperti kritikan di awal ucapannya.

Akan tetapi al Quran yang begitu lama dan banyak surah-surahnya, diturunkan begitu sesuai dan indah seperti firman Allah s.a.w:

Bersambung .....

NASIHAT YANG IKHLAS  
[ AL-MANSUR BERSAMA SEORANG RAKYATNYA ]

Abu Jaafar al-Mansur seorang khalifah yang terkenal di zaman pemerintahan Abbasiyah. Baginda seorang yang berani dan berfikiran tajam dalam bidang politik dan pentadbiran. Disamping itu baginda juga seorang yang beragama dan bertakwa, kalaulah tidak kerana satu ketegasan yang dilakukannya yang dicatat oleh sejarah pasti baginda menjadi antara khalifah yang terbaik.

Pada satu tahun, baginda menunaikan ibadat haji dan melakukan tawaf di Baitullah pada waktu malam ketika manusia sedang tidur. Lalu ia mendengar seorang lelaki berdoa pada Allah dengan penuh khusyuk, katanya : “Ya Allah, aku mengadu padaMu tentang kezaliman yang berleluasa, kerosakan di muka bumi dan sifat tamak yang memisahkan kebenaran dengan manusia”.

Al-Mansur segera menghampiri lelaki itu dan bertanya apa yang didengarnya tadi. Lelaki itu berkata : “Engkaulah yang menimbulkan kerosakan, kezaliman dan sifat tamak menguasainya”.

Khalifah berkata : “Oh, bagaimana sifat tamak boleh menguasai diriku sedangkan segala apa yang aku inginkan berada dalam gengamanku?!”

Lelaki itu menjawab : “Adakah sifat tamak yang ada pada seseorang itu lebih banyak dari kamu wahai Amirul Mukminin?. Sesungguhnya Allah telah menyerahkan kepada kamu urusan orang Islam dan harta benda mereka, tetapi kamu telah lupa keadaan mereka dan hanya mementingkan untuk mengumpulkan harta mereka sahaja. Kamu telah membina tembok pemisah antara kamu dengan mereka. Kamu telah melantik menteri dan pembantu yang jahat, Sekiranya kamu lupa, mereka tidak mengingatkan kamu. Sekiranya kamu melakukan keadilan/kebaikan, mereka tidak menolong kamu. Kamu membantu mereka melakukan menzalimi rakyat menggunakan harta, tentera dan senjata. Kamu mengarah supaya tiada sesiapa pun yang mengadap kamu kecuali orang-orang tertentu. Kamu tidak pernah menyuruh supaya mendampingi dan mendengar keluhan/rintihan orang yang dizalimi, yang memerlukan, yang kelaparan dan tidak berpakaian. Ingatlah, setiap rakyat mempunyai hak daripada harta kerajaan!”

Ketika pembantu-pembantu kamu melihat kamu menyimpan harta tanpa membahagikannya (kepada rakyat), mereka berkata : “Al-Mansur telah mengkhianati Allah, apa salahnya kami mengkhianatinya”. Mereka bersepakat menyembunyikan masalah-masalah rakyat daripada kamu kecuali perkara yang menguntungkan mereka dan mana-mana pekerja yang mengingkari perintah mereka akan dipecat.

التَّصِيْحَةُ الْخَالِصَةُ (المنصور وأحد رعية)

Dialah orang yang memasuki kubu Bani Quraizah setelah berundurinya pasukan/tentera bersekutu dan mengajak mereka memerangi tentera Islam dan mempertahankan / membantu memerangi mereka. Sekiranya mereka mengikut perintah Rasulullah dari mulanya lagi dan mengakui kesalahan mereka melanggar perjanjian mereka nescaya tidak ditumpahkan darah mereka dan dibunuh/dipancung leher mereka. Tetapi sikap permusuhan yang ada dalam diri Yahudi, antaranya Bani Quraizah, telah sampai ketahap Saad bin Muaz sendiri yang merupakan sekutu mereka mengakui bahawa sekiranya mereka masih hidup nescaya mereka tidak rasa tenang kecuali membentuk tentera bersekutu yang baru dan mengumpulkan bangsa Arab untuk memerangi orang Islam serta menghapuskan orang Islam yang terakhir sekiranya mereka dapat mengalahkannya!. Antara sikap sombong/degil dan tipu muslihat mereka adalah orang tawanan, mereka tidak merasakan 'kehinaan menjadi tawanan itu' menghalang mereka untuk bersikap angkuh dan sombong sehingga wanita-wanita yang menjadi tawanan, mereka benci/berdendam terhadap orang Islam. Mereka dalam keadaan begini hina pun, mereka enggang menerima Islam kerana keangkuan yang ada dalam diri mereka yang diwarisi dari keluarga Yahudi mereka?. Raihanah salah seorang tawanan Bani Quraizah berada di bawah tawanan Rasulullah s.a.w. Baginda menawarkan jalan yang melepaskannya dari kehinaan dunia dan kecelakaan akhirat serta melepaskannya dari azab yang pedih kepada nikmat yang kekal. Namun perangai buruk Yahudi menghalangnya daripada semua perkara ini. Rasulullah menawarkan untuk mengahwininya, maka ia menjawab : "Kamu biarkan aku menjadi hambamu itu lebih senang bagiku dan untuk kamu!". Sesetengah ahli sejarah berkata tentang perkara ini : "Dia enggan berkahwin dan

غدر اليهود

## TIPU DAYA YAHUDI

Orang Yahudi menganggap mereka adalah bangsa Allah yang terpilih dan manusia lain semuanya adalah hamba-hamba mereka!. Hubungan mereka dengan manusia adalah berasaskan permusuhan dan kebencian. Mereka menanam kebencian itu dalam diri mereka sehingga menjadi tabiat/sifat semulajadi yang mereka warisi kepada anak-anak mereka dan mengajarnya kepada anak cucu mereka, dari satu generasi ke satu generasi lain!. Inilah politik Yahudi sama ada peringkat kumpulan dan jamaah atau individu dan keluarga. Yahudi memerangi manusia lain seorang diri seperti mana mereka memerangi manusia bersama golongan seagama dengan mereka. Mereka tidak mengenal erti malas/jemu untuk memecah belahkan manusia walaupun terpaksa tinggal seorang diri dan tidak dapat mengubah pendiriannya untuk melakukan keburukan sehingga terpaksa hidup terasing! Ianya adalah peperangan dalam setiap keadaan!. Pemikirannya untuk menipu daya tidak terpisah daripadanya dan ia tidak berhajat kepada penolong atau pembantu!. Anda dapat lihat setiap individu di kalangan mereka menzalimi manusia seorang diri dan menanggung bebanan bencana atau dibunuh juga seorang diri sebagaimana mereka menghadapinya perkara tersebut bersama kumpulan Yahudi.

Pengarang kitab al-Aghaani (Abu Faraj al-Asfahan) menceritakan dalam biodata Hassan bin Thabit : Safiah binti Abdul Mutalib berada di kubu semasa peperangan Khandak, ia (Safiah) berkata : " Hasan bersama kami dalam kubu tersebut yang terdiri daripada perempuan dan kanak-kanak. Kemudian datang seorang lelaki Yahudi dan mengelilingi kubu tersebut – Yahudi Bani Quraizah telah berperang dan memutuskan perjanjian dengan Rasulullah s.a.w, maka tidak ada seorang pun yang dapat mempertahankan kami dari mereka kerana Rasulullah dan orang-orang Islam berada di medan peperangan menghadapi musuh mereka dan tidak dapat mempertahankan kami apabila penceroboh datang menceroboh kami - lalu Safiah berkata : " Wahai Hassan, Yahudi ini seperti yang kamu lihat sedang mengelilingi kubu ini. Sesungguhnya demi Allah, aku rasa tidak selamat maruah kami daripada Yahudi ini, sedangkan Rasulullah s.a.w dan sahabat-sahabatnya tidak dapat melindungi kita (kerana sibuk berperang), jadi kamu keluar dan bunuh yahudi itu". Hassan berkata : "Semoga Allah mengampuni kamu wahai Binti Abdul Muttalib, kamu telah tahu aku tidak setanding dengannya!". Safiah berkata : "Apabila Hassan berkata demikian dan aku tidak nampak dia dapat berbuat apa-apa, maka aku mengikat pakaianku kemudian aku mengambil kayu dan keluar daripada kubu itu. Lalu aku menyerangnya dengan kayu sehingga dapat membunuhnya!. Setelah aku berjaya, aku kembali ke kubu dan aku berkata : "Wahai Hassan, kamu keluar dan ambillah barang-barang yang ada pada Yahudi itu, kerana aku tidak dapat melakukannya kerana dia seorang lelaki". Hassan berkata : "Aku tidak perlu mengambil apa-apa daripadanya wahai Binti Abdul Muttalib".

Lelaki Yahudi ini mundur mandir di kawasan kubu, mungkin dia tidak dibantu oleh sesiapa pun di kalangan Yahudi (ia lakukannya seorang diri). Tetapi

Quraizah”, sambil memegang tempat keluar darah di tangannya. Tidak mengalir setitik darahpun sehinggalah dilaksanakan perintah Saad tersebut. Lalu diperintah supaya dibunuh orang lelaki dan ditawan perempuan-perempuan dan anak cucu mereka supaya menjadi khadam orang Islam. Setelah dilaksanakan perintahnya maka terpancarlah/keluarlah dan mengalir darahnya, Rasulullah s.a.w memangu/meriba beliau dan darah mengalir di atas baginda. Kemudian tidak lama selepas itu Saad meninggal dunia lalu dibawa pulang ke rumahnya sedangkan Rasulullah s.a.w tidak mengetahui tentang kematiannya. Maka Jibril a.s datang kepada Rasulullah dan berkata : “Wahai Muhammad, siapakah jenazah ini yang mana dibuka pintu-pintu Syurga untuknya dan bergoncang Arasy Allah dengan kegembiraan?”. Lalu Rasulullah bergegas ke rumah Saad bin Muaz dan mendapatinya telah meninggal dunia!.

Setelah dikebumikan beliau dan Rasulullah sendiri mengiringi jenazahnya bersama para sahabatnya dan malaikat. Baginda s.a.w bertasbih dan orang ramai turut bertasbih. Kemudian mereka bertanya : “Wahai Rasulullah, kenapakah kamu bertasbih?”. Rasulullah menjawab : “Kubur ini telah menyempitkan tubuh hamba Allah yang soleh ini, semoga Allah melapangkannya”. Baginda s.a.w ditanya tentang (sebab) perkara tersebut (berlaku), lalu baginda menjawab : “Sahabat ini cuai dalam membersihkan air kencingnya”. Ini bermaksud bahawa perkara tersebut adalah satu kesalahan yang menghilangkan kebaikan-kebaikan Saad dan Allah memerintah RasulNya supaya memohon ampun untuknya dan menghapuskan kesalahan itu dengan kebajikannya. Maka Allah menghimpunkan para malaikatnya dan Rasul memohon keampunan (untuk Saad), firman Allah : “Sesungguhnya amal kebaikan itu menghapuskan keburukan, ini suatu nasihat/peringatan untuk orang yang mengingati”. Surah Hud:114.

Sesungguhnya Rasulullah telah meninggikan kedudukannya dengan menyebut (nama)nya dan mengangkatnya di saat kematiannya sebagaimana beliau di angkat semasa hidupnya. Imam Syafie dalam kitab al-Um meriwayatkan: “Bahawa nabi s.a.w turut serta mengusung jenazahnya”. Ini satu penghormatan yang tidak ada bandingannya dan kemuliaan yang paling tinggi!.

Kemarahan meluap Saad terhadap Bani Quraizah adalah kerana tipu daya mereka dan kebenciannya yang memuncak adalah kerana kejahatan dan keburukkan mereka lalu dikeluarkan hukuman yang adil dan tegas/muktamad yang tidak ada kezaliman dan penindasan. Setelah selesai masalah Bani Quraizah, Rasulullah s.a.w : “Kamu tidak akan diserang oleh kaum Quraisy selepas ini, akan tetapi kamu akan menyerang mereka”. Apa yang berlaku selepas itu adalah benar seperti yang diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. Beliau bertekad menghapuskan mereka untuk faedah orang Islam di Madinah sehingga tidak ada bagi musuh-musuh Islam di sana apa-apa suara pun.

Bumi ini hanya untuk orang-orang yang ikhlas di kalangan hamba-hamba Allah yang tidak ada dalam jiwa mereka rasa dengki atau permusuhan terhadap orang lain. Mereka mengenakan (peraturan) kepada manusia dengan adil, berbuat

hidup bersama nabi/orang yang paling mulia kedudukannya kerana mempertahankan identiti Yahudinya, fanatik kepada bangsanya dan pandangannya silap tentang akibatnya!. Sikap egoistik yang diwarisi daripada kaumnya menghalangnya daripada menilai sesuatu itu dengan penilaian yang baik. Ia memilih untuk kekal sebagai hamba daripada menjadi tuan yang dipatuhi, kerana sikap Yahudi yang rosak lebih disukainya daripada kedudukan yang mulia ini dan dirinya enggan menerima perkara tersebut kerana bencikan Islam dan orang Islam!.

Sesungguhnya perjanjian antara orang Islam dengan Yahudi telah berakhir dan kesudahannya dengan bencana/malpetaka yang menimpa Yahudi kerana mereka tidak benar-benar berpegang dengan janji ketika mereka metrainya. Mereka melakukan perkara yang melampaui batas terhadap Rasulullah s.a.w dan mereka membatalkan perjanjian dengan satu kabilah/kaum selepas kabilah yang lain supaya diberi kepada orang yang masih hidup di kalangan mereka tempoh untuk menyemak kembali diri mereka. Namun mereka adalah kaum yang jiwanya tidak boleh menerima cara yang mulia ini. Hati-hati mereka tidak dapat diubah dengan layanan yang baik dan tidak mungkin dapat mencabut sikap yang telah sebat dalam diri mereka iaitu sikap mementingkan kemaslahatan mereka berbanding perkara-perkara. Mereka memandang dengan sikap permusuhan kepada setiap orang yang menyalahi agama mereka atau berasal dari keturunan/bangsa lain. Pengaruh/faktor ini telah sampai kekemuncaknya dan mereka amat sayangkan diri mereka. Dan dengan sebab itu mereka layak dijatuhkan hukuman yang dikeluarkan oleh Saad bin Muaz sebagai balasan kepada mereka kerana membatalkan perjanjian dan sebagai membalas dendam terhadap jiwa yang tidak ada di dalamnya sedikit pun kecuali kejahatan. Mereka tidak pandai berurusan dengan orang lain kecuali dengan cara mungkir janji dan penipuan!. Beliau ketika mengeluarkan perintah ini dengan sikap yang keras dan tegas adalah untuk mempertahankan diri dan menganggapnya sebagai penentu kekal atau lenyapnya Yahudi itu adalah masalah hidup dan mati bagi orang Islam. Beliau bukanlah melampaui batas, bersalah, manusia yang tidak bertamadun atau orang yang mencipta sesuatu yang keji, tetapi ia adalah demi mempertahankan maruah dan untuk mencegah orang yang melampaui batas maka terpaksa melakukannya dengan cara kekerasan ini. Sekiranya di sana ada cara lain atau pendekatan yang membawa kebaikan kepada mereka nescaya beliau akan laksanakannya. Hukuman ini juga berdasarkan keperluan semasa yang tidak dapat dielakkan (kerana cara lain tidak berkesan/memberi faedah). Apabila keperluan orang Islam ini sampai ketahap yang kritikal maka tidak dicela atau dikutuk (apa-apa tindakan yang diputuskan).

Apabila tidak ada kecuali pedang yang perlu digunakan

###

maka tidak ada jalan lain bagi orang yang terpaksa kecuali menggunakannya

Ahmad meriwayatkan dari Jabir bin Abdullah r.a berkaitan kisah Saad bin Muaz, katanya : “Saad bin Muaz telah dipanah dalam peperangan Ahzab dan menembusi kulitnya, lalu Rasulullah patahkan panah itu dengan api dan bengkak tangannya. Setelah beliau melihat demikian maka beliau berkata : “Ya Allah janganlah ambil nyawaku sehinggalah aku merasa tenang dari (kejahatan) Bani

baik, belas kasihan, tidak dengan kekuatan dan cemeti, tidak juga dengan azab dan penyiksaan. Mereka tidak ada sedikit pun keinginan pada harta dan nafsu, tidak mencari pangkat dan kuasa. Namun mereka ingin bangkit/hidup dengan tanggungjawab dan kewajiban (dalam) kehidupan serta melaksanakan bebanan tanggungjawab agama dan suruhannya. Firman Allah s.w.t : “Mereka yang jika Kami berikan kedaulatan/kuasa memerintah di muka bumi, tentunya mereka akan mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menyuruh dengan perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran. Untuk Allah berakhirnya segala sesuatu”. Surah al-Haj:41

Sesungguhnya manusia akan nampak siasah golongan ini penuh dengan keindahannya, melimpah di sekelilingnya rasa pelik/kagum terhadap mereka yang menjual dunia dan membeli akhirat, mereka tidak menyukai benda-benda segera yang akan binasa. Mereka fana dalam kerediaan tuhan segala raja dan kerajaannya. Mereka hanya memandang pada firman Allah s.w.t : “Sesiapa yang inginkan kehidupan sekarang kami akan segerakannya sebagaimana yang kami kehendaki bagi orang yang kami sukai. Kemudian kami sediakan neraka jahanam baginya yang akan dia masuki dengan keadaan tercela dan jauh dari rahmat.(18) Sesiapa yang mengharapkan kehidupan akhirat serta berusaha sekuat-kuatnya dengan penuh keimanan maka usaha itu akan dibalas”.(19).Surah al-Isra’:18-19

Tarbiah Islam kepada penganut/umatnya ini tidak menjadikan seorang muslim suka memuliakan harta atau pandangan/pendapat dan tidak juga minta dimuliakan dengan kuasa atau politik. Apa yang dapat dibuktikan dengan bukti yang nyata daripada kata-kata Omar r.a ketika mula mewajibkan cukai kepada penduduk Iraq, beliau berkata kepada orang Ansar sewaktu menghimpunkan mereka untuk meminta pandangan mereka: “Aku tidak tinggalkan kamu kecuali sama-sama melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan padaku dalam perkara yang berkaitan dengan urusan kamu. Aku seorang manusia biasa seperti kamu. Kamu hari ini menentukan kebenaran, sama ada membangkang atau menyokong aku. Aku tidak mahu kamu ikut hawa nafsuku...sesungguhnya kamu telah mendengar kata-kata/aduan mereka yang menyangka aku telah berlaku zalim kepada mereka. Sesungguhnya aku berlindung dengan Allah daripada melakukan kezaliman. Sekiranya aku ada menzalimi mereka dalam satu-satu perkara, itu adalah untuk kebaikan mereka dan aku memberinya kepada orang lain sedangkan aku mendapat kesusahan!”. Itulah satu kisah yang menarik yang diriwayatkan oleh Abu Yusuf dalam kitab al-Kharaj : “Akhlak orang Islam telah melangkaui daripada bersifat adil kepada belas kasihan dan mengambil berat (kepada manusia). Beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w melarang daripada memisahkan antara ibu dan anaknya dalam masalah tawanan perang Bani Quraizah, baginda berkata : “Sesungguhnya orang yang melakukan demikian (memisahkan antara ibu dan anaknya) maka Allah akan memisahkannya dengan orang yang dikasihinya pada hari kiamat!”. Lihatlah alangkah lembutnya hati-hati ini terhadap manusia dan belas kasihan terhadapnya, namun kebanyakan manusia tidak berfikir!!!.



peralatan tentera dan bahan-bahan sokongan. Nabi s.a.w bersabda: “Barang siapa yang menyediakan kelengkapan perang di jalan Allah maka dia telah berperang”.

Orang yang mempunyai harta dan mempunyai keuzuran - tidak mampu untuk berada di medan perang – maka dia perlu menyumbangkan harta untuk membeli senjata atau membelanjakannya untuk anak-anak pejuang dan orang ini memperoleh pahala pejuang sebagaimana sabda penghulu sekalian rasul: “barang siapa yang membantu keluarga pejuang dengan baik maka dia telah berjuang”.

Orang yang mempunyai keuzuran dan tidak mempunyai harta maka dia boleh berjihad mengikut apa-apa bentuk yang dapat dilaksanakan samada berjihad dengan lidah dalam menegakkan hujah terhadap golongan kafir, menolak tuduhan mereka, melawan serangan psikologi, memberi kesedaran dan persiapan rohani, menguatkan semangat dalaman sesama Islam. Inilah yang dikehendaki oleh Rasulullah ketika berkata: “berjihadlah kamu dengan nyawa kamu, harta dan lidah kamu”. Ianya adalah wajibke atas setiap mukallaf yang beriman dengan agamanya, menjaga tanah air dan kemuliaannya. Ini dibuktikan oleh firman Allah s.w.t: “ dan kalau kami kehendaki, tentulah Kami utuskan dalam tiap-tiap negeri, seorang Rasul pemberi amaran. Oleh itu, janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendak orang-orang kafir, dan berjuanglah dengan hujah-hujah Al-Quran menghadapi mereka dengan perjuangan yang besar dan bersungguh-sungguh”. Surah al Furqan : ayat 51 dan 52.

.....bersambung

## الجهاد الإسلامي وأنواعه

### JIHAD DALAM ISLAM DAN JENIS-JENISNYA

Perkataan Jihad adalah kata terbitan daripada perkataan جَاهِدَ yang ditambah satu huruf yang mana diambil daripada perkataan الْجِهْدُ – huruf jim berbaris atas – ertinya keletihan kerana kesukaran daripada apa yang diusahakannya, atau diambil daripada perkataan الْجُهْدُ - huruf jim berbaris hadapan – ertinya kuasa kerana setiap pejuang menghabiskan/mencurahkan tenaga dan seluruh kekuatannya untuk melawan musuhnya. Jihad mengikut syara’ ialah mencurahkan tenaga dan kekuatannya untuk menentang musuh. Ianya digunakan dalam konteks memerangi orang kafir untuk memenangkan Islam dan meninggikan kalimah Allah. Pada umumnya jihad terbahagi kepada empat jenis, berikut penjelasannya:

Pertama : Jihad terhadap nafsu dan syaitan. Melawan nafsu dalam perkara yang diingini dan tidak memenuhi kehendak dan keinginannya serta menghalang daripada melakukan maksiat seperti melawan syaitan di kalangan manusia atau jin. Menolak perhiasan hawa nafsu kerana syaitan mengaburkan perkara buruk dipandang baik dan perkara baik dipandang buruk. Syaitan terus menipu daya orang mukmin dengan bisikan dalam dirinya sehingga terjebak dalam perangkapnya – Ya Allah aku berlindung dengan-Mu daripada bisikan jahat syaitan – kerana itu Rasulullah menamakannya sebagai Jihad Paling Besar sewaktu pulang dari peperangan tabuk : “Kita baru pulang dari Jihad yang kecil untuk menghadapi Jihad Yang Lebih Besar (jihad melawan nafsu).

Jihad bentuk ini hukumnya adalah fardu Ain dan menjadi tanggungjawab orang mukmin semenjak permulaan Islam bahkan ianya adalah mencakupi perkara-perkara yang diperintah dan dilarang kerana setiap ketaatan pada Allah sama ada bentuk ‘buat’ atau bentuk ‘tinggal’ memerlukan kepada mujahadah hawa nafsu dan syaitan. Imam Busairi berkata:

Lawanlah nafsu dan syaitan serta jangan akur padanya #  
kedua-duanya memberi nasihat padaanda maka raguilah bisikannya.  
Janganlah patuhi kedua-duanya sama ada ianya musuh atau penasihat yang baik # kerana anda telah tahu tipu helah musuh atau penasihat yang baik

Kedua : Jihad menentang orang kafir iaitu berperang dengan orang musyrikin sama ada dengan mengorbankan nyawa atau dengan harta atau dengan tangan atau dengan lidah atau dengan hati. Ini adalah arahan yang jelas dari Allah yang mana setiap individu muslim perlu melaksanakan mengikut kemampuan dalam pelbagai bentuk perjuangan dalam memelihara kesejahteraan hidup ini.

Barang siapa yang tidak mampu mengangkat pedang dalam medan perang maka ia perlu berusaha dan memerah keringat pada perkara-perkara yang boleh membantu tentera Islam, menyediakan untuk mereka faktor kemenangan seperti mengurus kilang, menyediakan ubat-ubatan, makanan dan pakaian, membekalkan











INSAN CONTOH  
DALAM MENGINGATI KELAHIRANNYA

Ketika diutus Muhammad s.a.w sebagai insan yang membawa bersamanya risalah “Rahmat” untuk seluruh manusia. Dasar dan asas yang terkandung di dalam risalah ketuhanan ini...bukanlah hanya untuk masa tertentu atau peringkat tertentu, bahkan ianya adalah untuk sepanjang masa dan setiap peringkat. Ini kerana rahmat pencipta adalah rahmat yang berterusan sepanjang masa sehinggalah semua manusia akan menemuiNya di Mahsyar dan hari pembalasan nanti.

Sepanjang tempoh beberapa tahun yang penuh dengan perjuangan yang pahit dan rintangan yang mencabar bersama orang musyrikin dan Yahudi. Rasulullah sebagai pemimpin berdiri teguh menghadapi segala cabaran yang mendatang, tanpa rasa hina pada diri, keluarga, para sahabat dan pengikutnya. Baginda membawa risalah dan amanahNya. Ia dipilih dikalangan manusia supaya menyampaikan kepada mereka satu huruf demi satu huruf dan satu kalimah demi satu kalimah. Ia meletakkan amanah di hadapan orang yang meraba-raba dalam kongkongan kejahilan dan tidak bertamadun, dengan menyeru mereka kepada petunjuk dan jalan yang lurus, dengan berusaha menanam risalah ini dalam hati-hati mereka supaya beriman, dengan menganutinya tanpa dusta/(pura-pura beriman sedangkan hatinya kufur), kerana Allah melaknati orang-orang munafiq dan meletakkan mereka dalam golongan musuh Rasul s.a.w dan musuh bagi rahmat.

Tidak ada di hadapan Rasul s.a.w satu jalan / cara untuk menyempurnakan keimanan/penerimaan ini dan sampai dengan risalahNya ke dasar hati untuk mengukuhkanNya dan berterusan ke generasi akan datang sehingga kita menemui Allah. Jalan ini adalah contoh dan menjadi tauladan/panduan yang diikuti dalam kesulitan, malapetaka dan cabaran. Tidak ada jalan untuk menerangkan kepada manusia agar dapat menanggung bebanan, memberi pengorbanan dan berjuang kerana risalah ini tidak lain perlu ada di hadapan mereka dan memimpin mereka orang yang memberi kepada mereka contoh tauladan. Memimpin mereka ke jalan pengorbanan dan jalan rahmat, kasih sayang, keamanan dan kestabilan.

Kali pertama aku berdiri di hadapan kubur Rasul yang mulia ketika menziarahinya, timbul perasaan aneh dan gerun (seolah-olah) aku berdiri di hadapan insan yang berada di zaman yang tidak ada bandingannya, insan yang dijadikan Allah yang menjadi contoh tauladan kepada manusia, agar dapat/supaya menentukan kepada mereka sepanjang tempoh baginda membawa amanah ini- sempadan antara kebaikan dan keburukan, mendampingi Allah dan menjauhinya, berjaya dan gagal. Baginda dalam usaha melakarkan garis pemisah ini terpaksa menghadapi tekanan dan kesabaran,

الإِنْسَانُ الْقُدْوَةُ فِي ذِكْرِ مَوْلِدِهِ

عندما بعث محمد الإنسان حاملا معه رسالة الرحمة للبشر جميعا، لم تكن هذه المبادئ والقواعد التي تضمنتها هذه الرسالة الإلهية.. لم تكن لفترة من الزمن أو لمرحلة من المراحل، بل كانت لكل الأزمنة ولكل المراحل. ذلك أن رحمة الخالق إنما هي رحمة ممتدة مع الزمان إلى أن يلقاه البشر جميعا يوم الحشر، يوم الحساب.

وعلى مدى سنوات طويلة من الكفاح المرير، والمواجهات القاسية مع المشركين واليهود وقف الرسول الزعيم صلبا أمام كل ما توقع من تحديات، غير متهاون مع نفسه أو مع أهله أو مع صحابته أو مع أتباعه. فهو قد حمل رسالته وحمل أمانته، واختير من بين البشر جميعا ليبلغهم الرسالة حرفا حرفا، وكلمة كلمة. ويضع الأمانة أمام الذين تاهوا في معالم الجهل والجاهلية داعيا إياهم إلى الهداية، وإلى الصراط المستقيم ساعيا إلى غرس الرسالة في قلوبهم ليؤمنوا بها عن اقتناع، لا عن نفاق. ذلك أن الله قد لعن المنافقين ووضعهم في مصاف أعداء الرسول وأعداء الرحمة.

ولم يكن أمام الرسول إلا طريق واحد لتحقيق هذا الإقناع والوصول برسالته إلى أعماق القلوب لترسخ فيها وتمتد مع الأجيال إلى أن نلقى الله. هذا الطريق هو أن يكون القدوة، وأن يكون المثل الذي يحتذي في الشدائد والملمات والتحديات فلا سبيل لإقناع الناس بالاحتمال وتقديم التضحية والكفاح من أجل رسالة ما إلا أن يكون أمامهم وعلى رأسهم من يقدم لهم القدوة. وأن يقودهم بها إلى طريق التضحية إلى طريق الرحمة، إلى طريق المحبة، إلى هدف الأمان والاستقرار.

وفي أول مرة وقفت فيها أمام قبر الرسول الكريم زائرا، انتابني شعور غريب، شعور بالرهبة والإحساس بأن وقفتي هذه إنما هي أملم إنسان لم يجد الزمان بمثله. إنسان جعله الله قدوة للبشر، وأمره بأن يحدد لهم على مدى الأعوام التي حمل فيها الأمانة الخط الفاصل بين الخير والشر، وبين الاقتراب من الله والابتعاد عنه، بين النجاح والفشل. وهو في سبيل لبوصول إلى رسم هذا الخط الفاصل تحمل وصبر،

berjuang dan memperolehi kemenangan, berperang dan dapat mengatasi segala tipu daya. Baginda mempamerkan contoh yang membawa manusia beriman dengan risalahnya dan membenarkan dakwahnya serta menarik mereka memandangnya/untuk bersamanya. Merka berlumba-lumba untuk mati syahid tanpa mengharap harta rampasan atau perkara yang diinginkan.

Perkara ini wujud kerana Rasul dapat melembutkan hati mereka dengan contoh bahawa dunia ini akan binasa dan apa yang kita lakukan untuk diri dan agama sepanjang tempoh masa – samada singkat atau panjang – hanyalah untuk kehidupan, nikmat yang lebih kekal dan berada di samping Pencipta –berdasarkan/mengikuti amalan kebaikan yang dilakukannya semasa hidup.

Rasul s.a.w – dalam risalahnya – menghubungkan di antara kehidupan dunia dan akhirat. Kehidupan yang pertama adalah jalan untuk kehidupan kedua yang mengandungi pahala dan azab, kemudian baginda memberikan peluang kepada manusia memilih dan menentukan untuk diri mereka apa yang mereka inginkan. Aku ingat semua itu ketika kali pertama aku menziarahi kubur Rasul s.a.w. Setiap kali aku datang kembali setelah beberapa kali menziarahi maqamnya, aku merasakan perasaan baru. Perasaan yang bercampur antara malu dan sedih, bimbang dan kecewa. Bukan kerana aku sudah jauh daripada beriman terhadap risalahnya tetapi kerana aku melihat di hadapan kami – di hadapan semua manusia – jalan kepada cahaya. Walaupun begitu, kami tetap enggan (menerima) bahkan terus hidup dalam kegelapan. Kami melihat di hadapan kami – di hadapan semua manusia – jalan kesejahteraan, namun kami tetap memilih jalan yang membawa kepada kemusnahan, kebencian dan hasad dengki. Kami melihat di hadapan kami – di hadapan semua manusia – bersesak-sesak/berlumba-lumba mengelilingi habuan dunia dan tengelam/lemas di dalamnya dengan penyelewengan dan kerosakan sedangkan Rasul yang mulia menanggung kesusahan dan keperitan dalam usaha menarik mereka supaya menjauhi perkara tersebut. Kemudian kita lupa apa yang diberikan kepada kita dan kesusahan yang ditanggung baginda untuk kebaikan kita. Aku melihat di hadapan kami begitu juga – di hadapan semua manusia – perundangan yang memberikan kita keamanan dan ketenangan. Walaupun begitu kita membantu untuk menjauhi dan berusaha mencari perundangan baru dan peraturan yang dicipta yang memandu dan memimpin manusia ke arah hidup tanpa peraturan, kebinasaan dan egolistik.

Aku bertanya diriku pada kali terakhir menziarahi kubur Rasul – perasaan ini menekan dada, hati dan lidahku - : “Kenapa?, Bagaimana? dan Apakah rahsianya?”.

Aku tidak putus asa mencari jawapan kepada persoalan ini. Aku tidak rasa penat menggambarkan apa yang kita telah sampai pada setiap masa...

Masyarakat telah hilang, sesat jalan dan jauh dari cahaya keimanan. Aku kembali bertanya pada diriku soalan terakhir : “Bagaimana untuk merungkaikan semua ini?”.

وجاهد وانتصر، وقاوم وتغلب على كل إغراء، وقدم القدوة التي جعلت الناس يؤمنون برسالته، ويصدقون دعوته، ويندفعون إلى الالتفات حوله، ويتسابقون إلى الاستشهاد من غير تطلع إلى مغنم أو مطمع.

ذلك لأن الرسول أقتنعهم – بالقدوة بأن الحياة زائلة وأن ما نؤديه لأنفسنا ولديننا خلال فترته – قصيرة كانت أو طويلة – إنما هي من أجل حياة أبقي، ونعيم دائم مقيم عند الخالق بقدر ما تؤديه في الحياة من عمل طيب.

فالرسول- في رسالته- قد ربط بين الحياة والآخرة. وأن الأولى هي السبيل إلى الثانية بما فيها من ثواب وعذاب. ثم ترك للبشر أن يختاروا، وأن يقرروا لأنفسهم ما يشاءون. تذكرت ذلك كله في أول زيارة للرسول في قبره. وعندما عدت إليه في زيارات أخرى متتالية كنت أحس بأحاسيس أخرى، أحاسيس اختلطت بالحنج والألم والقلق والتمزق. لا لأني ابتعدت عن الإيمان برسالته وإنما لأني أرى أمامنا- أمام البشر جميعا- الطريق إلى النور. ومع هذا نأبى إلا اختيار السبيل المؤدية إلى التطاحن والكراهية والحق. وأرى أمامنا- أمام كل البشر- تراحما حول منافع الدنيا ونغمس فيها بالانحراف والفساد بينما الرسول الكريم قد تحمل في سبيل اقتناعنا بالابتعاد عن ذلك كله الصعاب والويلات، ثم نسينا ما قدم لنا وتحمل في سبيلنا. وأرى أمامنا كذلك- أمام البشر جميعا- التشريعات التي توفر لنا كل أمان واطمئنان. ومع هذا فإننا نصر على الابتعاد عنها لنبحث عن تشريعات جديدة وسنن مبتكرة قادت وتقود البشرية إلى الفوضى والهلاك والأناية.

وساءلت نفسي في آخر مرة زرت فيها قبر الرسول- وهذه الأحاسيس تضغط على صدري وقلبي ولساني- ساءلت نفسي: لماذا؟ وكيف؟ وما هو السر؟

ولم أتعب في الحصول على إجابات لكل هذه الأسئلة. ولم أجهد نفسي في تصوير ما وصلنا إليه في كل الأزمنة...

فإن الشعوب قد فقدت القدوة وضلت الطريق وتباعدت عن نور الإيمان، وعدت أسأل نفسي سؤالا أخيرا: وكيف الخلاص من هذا كله؟.



Aku temui jawabannya dalam doa yang diucapkan daripada seorang lelaki yang ruku' di sebelahku dan mengulanginya (doa tersebut) : “Ya Allah peliharalah diriku daripada orang yang menolongku (yang hanya) menghiaskan padaku perkara dunia dan tidak menghiaskan aku perkara akhirat”. Benarlah apa yang diucapkan oleh lelaki itu.

ووجدت الجواب في دعاء ارتفع من شخص ركع إلى جانبي وكان يردد فيه: اللهم  
خصني من المعينين لي يزبنون لي أمر الدنيا ولا يزبنون لي أمر الآخرة. وقد صدق  
الرجل.



Umar seorang yang mencintai keadilan dan tidak ada yang lebih baik daripada keadilan. Beliau ada menulis kepada pegawainya: “Tiga perkara: Pertama – perkara yang jelas petunjuknya maka ikutilah. Kedua – perkara yang jelas kemudharatannya maka jauhilah. Ketiga – perkara yang menjadi kesamaran bagi kamu maka kembalikannya kepada (petunjuk) Allah. Katanya lagi: “Orang yang lapar lebih berhak diberikan sedekah daripada rumah yang haram”. Ada seorang gebornya menulis kepada beliau: “Semoga Allah memberi kebaikan kepada Amirul Mukminin, ada di kalangan pegawai yang diberikan Allah harta yang banyak dan aku tidak mampu untuk mengutip cukai daripada mereka melainkan dengan cara kekerasan. Sekiranya Amirul Mukminin mengizinkan saya berbuat demikian, saya akan lakukannya”.

Bersambung .....

#### التدريبات

1. متى ولد عمر بن عبد العزيز؟ (2009)
2. لماذا تمنى عمر أن يكون بينه وبين الخلافة بعد المشركين؟
3. ما الأمور الثلاثة التي كتبها عمر إلى عامله؟
4. مع من كان عمر عندما عشر بالرجل في المسجد؟
5. ما أفضل العبادة عند عمر بن عبد العزيز؟
6. من يشبه عمر في الخوف من الله؟
7. اكتب قولاً واحداً في موت عمر.
8. اذكر ستاً من صفات عمر بن عبد العزيز.

## عمر بن عبد العزيز

UMAR BIN ABDUL AZIZ

Sulaiman bin Abdul Malik mewasiatkan jawatan khalifah kepada Umar bin Abdul Aziz. Umar adalah seorang yang soleh sebagaimana yang digambarkan pada zaman pemerintahannya dan wasiat/arahannya kepada para pengawainya. Beliau mula memerintah dengan menghapuskan kezaliman. Antara kata-katanya: “Aku tidak mulakan sesuatu melainkan dengan diriku terlebih dahulu”. Beliau melihat apa yang dimilikinya samada tanah atau harta benda, lalu dimasukkan ke Baitul Mal. Kemudian menemui isterinya fatimah binti Abdul Malik dan mengambil pakaiannya yang mahal yang diberikan oleh ayahnya, pakaian yang ditengung daripada emas dan dikalung dengan permata dan Yakut. Beliau berkata kepadanya: “Aku beri kamu pilihan, aku ambil pakaian ini dan letakkan di Baitul Mal. Sekiranya kamu pilih pakaian ini maka aku bukan lagi suamimu”. Isterinya menjawab: “Aku berlindung dengan Allah wahai Amirul Mukminin daripada berpisah denganmu, bahkan aku memilihmu berbanding dengan pakaian ini sekalipun ianya bertimbun-timbun. Aku tidak memerlukan pakaian ini. Ambillah dan letakkannya di Baitul Mal”. Kemudian anaknya masuk menemuinya, ia memakai pakaian yang carik. Lalu Umar berkata: “Tampallah pakaian kamu wahai anakku, demi Allah aku tidak sekali-kali memandang pada pakaian ini berbanding diri kamu”.

Dengan sifat yang begitu baik, bermaruah, wara’ dan zuhud, Umar bin Abdul Aziz mula menjadi pemerintah umat Islam pada tahun 99 Hijrah.

Beliau dilahirkan di Hilwan, Mesir pada tahun 61 Hijrah. Setelah beliau memegang jawatan khalifah, beliau merasakan bebanan tanggungjawabnya. Beliau pernah menyebut: “Alangkah eloknyajarak antara aku dan jawatan khalifah ini sejauh jarak timur dan barat”. Katanya lagi: “Aku perhati dan aku dapati bahawa aku memegang urusan ummah ini sama kecil, besar, warna hitam atau kemerahan kemudian aku teringat kepada orang fakir yang kelaparan, orang sakit yang terabai, tawanan perang yang ditahan, orang yang dizalimi, orang asing yang menjadi tawanan, orang tua yang tidak berupaya, orang yang mempunyai sedikit harta sedangkan ahli keluarganya ramai. Mereka ini terdapat di seluruh Negara. Aku tahu Allah akan bertanya kepadaku tentang mereka dan Rasulullah akan berhujah dengan aku tentang mereka. Aku bimbang jika aku tidak mendapat kemaafan dari Allah dan aku tidak dapat tegakkan hujah di hadapan Rasulullah. Demi Allah aku kasihan terhadap diriku, aku menangis kerananya. Setiap kali aku mengingatnya bertambah rasa takut dalam diriku”. Katanya lagi: “Tidak ada seorangpun daripada umat nabi Muhammad s.a.w samada di timur atau di barat melainkan aku perlu menunaikan haknya tanpa perlu menulis atau meminta padaku”. Beliau memulakan pemerintahannya dengan satu peraturan : “barang siapa mentaati Allah wajiblah ia taatinya dan barang siapa yang mengingkari Allah maka tidak perlu patuh kepadanya. Taatilah aku selama mana aku mentaati Allah, sekiranya aku menderhakai Allah maka kamu tidak perlu patuh kepadaku”.



Muawiyah. Setelah dilantik Muawiyah sebagai khalifah Ibnu Zubir turut membai'ahkannya dan ketika ia melantik anaknya Yazid (sebagai penggantinya sebagai khalifah) Ibnu Zubir enggang membai'ahkannya. Apabila Muawiyah mati, beliau tinggal di Mekah dan menetap di sana (Tanah Haram). Yazid menghantar tentera dari kalangan penduduk Syam ke Hijjaz dan berlakulah peperangan Hurrhah dengan penduduk Madinah. Tentera Syam telah menggempur dengan hebat dalam peperangan itu, kemudian mereka pergi mencari Abdullah di kota Mekah dan mengepungnya beberapa hari dan mereka menyerang Kaabah dengan manjanik. Kemudian datang kepada mereka berita kematian Yazid bin Muawiyah, lalu mereka berdamai dengan Ibnu Zubir dan mereka pulang ke negeri mereka selepas mereka memujuknya pergi bersama mereka untuk dilantik menjadi khalifah tetapi beliau enggan. Seluruh orang Ansar (penduduk Hijjaz) membai'ahkannya sebagai khalifah selepas kematian Yazid kecuali penduduk Jordan, mereka melantik Marwan bin Hakam. Kemudian Marwan telah berjaya menguasai seluruh Syam dan Mesir. Dan yang masih di bawah pemerintahan Ibnu Zubir adalah Hijjaz, Yaman dan Iraq. Kemudian Marwan meninggal dunia dan diganti oleh anaknya Abdul Malik, ia berjaya menguasai Iraq dan berjaya membunuh Mas'ad bin Zubir. Kemudian Hajjaj menyiapkan tentera untuk menyerang Ibnu Zubir, lalu mereka mengepungnya di kota Mekah. Mereka meletakkan manjanik di atas bukit Abi Qubais dan Qaiqa'an dan menyerang penduduk Mekah dengannya. Namun penduduk Mekah tetap melawan tentera Syam sehinggalah pengikutnya lari dan menyelamatkan diri dan tinggallah beliau seorang diri, lalu ia masuk ke masjid dan duduk bersembahyang sepanjang hari. Maka tentera Syam melontar (ke arah) Kaabah dengan manjanik sambil berkata :

“Bahayanya seperti batu-batu yang bertali arus #  
dilontar kepada orang yang duduk di dalam masjid”

Setelah Ibnu Zubir melihat keadaan sedemikian, lalu ia keluar ke arah tentera itu dan bertempur dengan hebat sehingga mereka bertempiran lari seperti burung unta. Maka Hajjaj memanggilnya : “Celaka kamu wahai Ibnu Zubir, terimalah perdamaian dan patuhlah pada Amirul Mukminin iaitu Abdul Malik”. Ibnu Zubir pulang dan menemui ibunya Asma' binti Abu Bakar ketika itu buta dan usianya seratus tahun. Beliau bertanya padanya : “Apa pesanmu wahai ibu, mereka menawarkan aku keamanan?”. Ibunya menjawab : “Aku ingin melihat kamu mati dalam kemuliaan dan janganlah kamu mengikut orang fasik yang tercela. Jadilah penghujung harimu lebih mulia dari awalnya”. Beliau berkata : “Aku bimbang mereka akan mencincang tubuhku setelah aku mati”. Ibunya menjawab : “Kambing setelah disembelih tidak akan merasa sakit apabila dilapah”. Lalu beliau mencium dahi ibunya dan mengucapkan selamat tinggal serta memeluknya. Kemudian beliau keluar dan naik ke atas mimbar, memuji Allah dan berkata : “Wahai manusia, sesungguhnya mati itu akan menutupi kamu dan menyelubungi dengan awannya, mengumpulkan/menyatukan kamu setelah berpisah/berpecah, bercantum setelah koyak rabak, kilatnya menerjah ke arah kamu dengan pantas....dan membawa ujian kepada kamu yang disudahi dengan kematian. Kamu jadikan pedang sebagai

عبد الله بن زبير عوام

#### ABDULLAH BIN ZUBIR BIN AWWAM

Gelarnya Abu Habib al-Qurasyi, ibunya Asma' binti Abu Bakar r.a. Beliau dilahirkan pada hijratur Rasul dan membai'ah Nabi s.a.w ketika berumur tujuh tahun. Satu kali Nabi s.a.w berbekam, lalu baginda memberikan darah berbekam itu kepadanya dan berkata kepadanya : “Buang darah ini di tempat orang tidak nampak kamu”. Setelah keluar dari rumah Nabi s.a.w ia minum darah tersebut, apabila ia kembali Nabi s.a.w bertanya padanya : “Apa yang kamu buat dengan darah itu?”. Ia menjawab : “Aku membuangnya di tempat paling tersembunyi yang tidak diketahui oleh seorang pun”. Nabi berkata : “Mungkin kamu telah meminumnya!”. Ia berkata : “Ya”. Nabi s.a.w berkata : “Beruntunglah kamu dan rugi orang lain. Kamu tidak akan disentuh oleh api neraka kecuali dibatalkan sumpah ini”. Hadis ini dikeluarkan oleh Abu Ya'la dalam Musnadnya dan al-Baihaqi dalam kitab ad-Dalail.

Abu Asim berkata : “Para ulamak berpendapat bahawa kekuatan yang ada pada Abdullah adalah hasil daripada darah tersebut”. Abdullah adalah seorang yang berani yang jarang ditemui dan seorang pemimpin yang menyertai peperangan Yarmuk bersama ayahnya Zubir. Beliau menyertai pembukaan Afrika bersama Abdullah bin Abi Sarh dan ketika itu Ibnu Sarh adalah penglima tentera. Mereka berjaya membuka bandar Tarablus dan mara ke arah negara Tunisia. Jarjir raja Afrika telah mengumpul tenteranya yang besar untuk menghadapi tentera Islam dan bertempur dengan mereka dengan bilangan tentera seramai seratus ribu orang sedangkan bilangan tentera Islam adalah kecil. Maka Ibnu Abi Sarh meminta pandangan Abdullah bin Zubir, lalu beliau mencadangkan supaya dipilih beberapa orang pahlawan dan diletakkan mereka di satu sudut manakala tentera-tentera lain akan berperang dengan musuh sehingga apabila peperangan bertambah sengit/sampai ke kemuncaknya, maka pahlawan-pahlawan tersebut akan menyerang tentera Jarjir dari belakang sehingga mereka dapat memasuki khemah Jarjir. Saya doakan semoga Allah memberikan kemenangan”. Ibnu Abi Sarh menerima cadangan beliau tersebut dan berkata padanya : “Kamu adalah ketua bagi tentera yang terpilih ini”. Beliau menjawab : “Baiklah, saya setuju!”.

Ketika peperangan bertambah sengit, Ibnu Zubir bersama tenteranya bergerak sehingga sampai ke khemah Jarjir lalu membunuhnya dan mengambil anaknya sebagai tawanan serta membunuh ramai tenteranya dan yang lain melarikan diri. Ibnu Abi Sarh telah memperolehi kemenangan dan menyampaikan berita gembira kepada Khalifah Uthman bin 'Affan, Ibnu Zubir juga menghantar berita gembira (tentang kemenangannya). Beliau orang yang mempertahankan Khalifah Uthman semasa baginda dikepung. Beliau menyertai peperangan Jamal bersama Aisyah dan beliau adalah tentera berjalan kaki. Beliau mendapat luka pada hari itu sebanyak empat puluh lebih kesan luka dan Aisyah memberi berita gembira kepadanya bahawa beliau tidak akan mati (walaupun mendapat) seratus ribu (kesan luka). Beliau mengasing diri (semasa berlakunya) peperangan antara Ali dan

matlamat (untuk mencari syahid) dan bersabarlah”. Kemudian beliau menyerbu dan menyerang (tentera Hajjaj) sambil berkata :

“Sesungguhnya sahabat kamu telah bersemangat untuk memancung leher # dan peperang menjadi sengit”.

Beliau berperang seorang diri sehingga mereka dapat mengeluarkannya dari Masjidil Haram dan berperang ditengah-tengah musuh sehingga sampai ke bukit Hajun. Setiap kali mereka menghampirinya, beliau dapat menghalau mereka. Tentera itu semakin ramai (menyerangnya) sehingga ia mengalami luka yang banyak dan datang ke arahnya batu manjanik di lontar ke arahnya dan terkena pakaiannya lalu ia rebah. Maka tentera-tentera itu segera menyerbu ke arahnya dan memancung kepalanya. Ketika di angkat/diusung beliau berkata : “Alangkah besarnya kemenangan sekiranya bersamaku pahlawan-pahlawan atau saudaraku Mus’ab masih hidup”. Beliau meninggal dunia pada tahun 73 H dan dilantik menjadi khalifah pada tahun 64 H dan Imam Malik ada berkata : “Ibnu Zubir adalah lebih layak menjadi khalifah daripada Marwan dan anaknya”. Para ulamak islam berpendapat keduanya telah menzalimi Ibnu Zubir.

orang Yahudi dan menguasai kebanyakan tanah pertanian di Madinah. Kebiasaan orang Yaman ketika mereka menyerang Parsi dan Turki di zaman Jahiliyah mereka akan melalui Madinah dan meninggalkan anaknya kepada kabilah Khazraj apabila beliau pergi maka dibunuh anak tersebut. Apabila kembali daripada medan perang dan mengetahui perbuatan mereka (membunuh anaknya), lalu mereka menyerang kabilah Khazraj di waktu siang dan bergaul dengan mereka di waktu malam. Ini sesua yang pelik. beliau berkata: “Demi Allah, kami adalah kaum yang mulia”. Ketika dia berperang dengan kabilah Khazraj pada suatu hari, tiba-tiba dia didatangi dua orang alim Yahudi lalu menlarangnya berperang, sambil berkata: “Janganlah kamu buatbegini wahai raja, kerana sekiranya kamu enggan dan mahu meneruskan permusuhan dan kami tidak jamin kesuhannya. beliau berkata: “kenapa begitu?”. kedua-duanya menjawab: “Kerana Madinah adalah tempat hijrah nabi, baginda akan keluar dari Mekah kerana dihalau oleh orang Quraisy. Madinah ini akan menjadi tempat tinggalnya”. Maka beliau berhenti daripada berperang dan keluar dari Madinah pulang ke negerinya setelah menjadi Yahudi.

Golongan Ansar mula menerima Islam pada tahun ke-11 daripada kebangkitan nabi. Satu rombongan jemaah haji dari kabilah Khazraj datang ke Mekah, mereka adalah antara orang yang nabi dakwah kepada Islam. Mereka menerima dakwah tersebut dan berjanji akan datang lagi pada tahun akan datang. Mereka mengadu kepada baginda: “Wahai Rasulullah, kami (Khazraj dan Aus) sentiasa berperang. Sekiranya Allah membantu kamu mendamaikan kami maka tidak ada seorangpun yang lebih mulia daripadamu. Pada tahun ke-12 telah datang 12 orang lelaki, dua orang dari kabilah Aus dan 10 orang dari Khazraj. Mereka berjanji setia dengan baginda untuk mematuhi perintah nabi dan tidak akan berperang. Lalu nabi mengutus bersama mereka Mus’ab bin Umair dan Abdullah bin Um Maktum untuk mengajar mereka tentang Islam dan sembahyang bersama mereka.

Pada tahun ke-13, seramai 73 orang lelaki telah datang menemui baginda dan mereka berbai’ah (berjanji setia) pada malam kedua di Mina supaya tidak diketahui oleh orang musyrikin. Apabila tiba waktu malam mereka keluar secara senyap-senyap ke tempat yang dijanjikan nabi sehinggalah mereka sampai di lorong di belakang Aqabah Kubra. nabi datang bersama bapa saudaranya al Abbas bin Abdul Muttalib – ketika itu - dia masih dalam agama Quraisy (menyembah berhala), namun kedatangan beliau adalah untuk menyakinkan orang madinah terhadap baginda. Al Abbas berkata: “Wahai kaum Khazraj, Muhammad adalah keturunan kami seperti yang telah kamu ketahui. Kami melindunginya daripada penindasan kaum kami. Beliau cukup mulia di negerinya tetapi beliau memilih untuk bertemu kamu, jika kamu rasa kamu dapat melaksanakan apa yang diajak oleh beliau dan mempertahankannya maka tetapkanlah kamu dengan perjanjian itu. Dan sebaliknya jika kamu beriman dengannya kemudian kamu menghiananya setelah beliau bersama kamu maka sekarang kamu boleh tinggalkannya kerana beliau dijaga oleh kaumnya di negeri ini”. Mereka menjawab: “Kami telah mengetahui apa yang kamu katakana itu wahai Abu al Fadhl”. Al Abbas berkata: “Cakaplah wahai Rasulullah apa yang kamu suka”. Lalu Rasulullah membaca beberapa ayat al Quran, mengajak supaya beriman dengan Allah dan menerima Islam kemudian berkata: “Aku berjanji

## الأنصار

### GOLONGAN ANSAR

Golongan Ansar adalah keturunan Khazraj dan Aus. Manakala Aus dan Khazraj adalah dua saudara, ibunya bernama Qailah. Kedua-duanya terkenal dengan bani Qailah. Bapa mereka ialah Harith bin Tha’labah al ‘Anqa’ bin ‘Amru Muziqiyyan bin ‘Amir digelar sebagai Ma’issama’ (air hujan kerana sifat pemurahnya) bin Harith bin Umru’ alQais bin Tha’labah bin Mazin al Azd bin al Ghauth. Keturunan mereka berakhir pada al Azd dari kabilah Qahtan.

Hassan bin Thabit berkata:

*Sekiranya kamu bertanya tentang kami, sesungguhnya kami dari  
## keturunan al Azd dan ghassan.*

Datuk mereka iaitu Amru bin Amir keluar meninggalkan Yaman ketika beliau melihat empangan yang menyimpan air yang mereka gunakan untuk kegunaan pertanian. Beliau mengetahui bahawa empangan tersebut tidak dapat bertahan lama (tetapi penduduknya tidak mengendahkan tegurannya supaya dibaiki empangan tersebut). Lalu beliau berazam untuk berpindah dari Yaman, maka beliau membuat satu tipu helah terhadap kaumnya dengan menyuruh anak bongsunya dan memarahinya serta menyuruhnya menampar muka ayahnya. Anaknya itu melakukan apa yang disuruh ayahnya, lalu Amru berkata: “Aku tidak akan tinggal di negeri yang mana anak bongsuku telah menampar mukaku” dan menawarkan segala hartanya untuk dijual. pemimpin Yaman berkata: “Ambillah peluang ketika Amru bin Amir sedang marah ini”. Maka mereka membeli semua hartanya. beliau berpindah bersama anak cucunya. Kabilah al Azdi berkata: “Amru tidak tinggal apa-apa pun semuanya dijual. Setelah mereka keluar maka empangan itu roboh dan melimpahlah air menenggelamkan sebahagian besar penduduknya.

Setelah mereka sampai di Hijaz, mereka telah berpecah. Khaza’ah menetap di wadi Zahran yang dikenali sekarang sebagai wadi Fatimah dan Mekah. Aus dan Khazraj menetap di Madinah. Keluarga Jafnah bin Amru bin Amir pergi ke Syam dan menetap di sana. mereka telah menjadi pemimpin di sana. kabilah Qahtan pada umumnya dikatakan: kabilah Humair sebagai rakyat dan rajanya, kabilah Azdi sebagai pahlawannya dan petugas-tugasnya, kabilah Kindah sebagai keindahannya, kabilah Muzhaj sebagai rakyatnya dan ahli bahasanya – kesemua kabilahnya adalah berasal dari Yaman.

Ketika Aus dan Khazraj sampai di Madinah, mereka dapati kaum Yahudi Qainuqa’, Nadir dan Quraizah telah menetap di sana sebelum mereka. Maka mereka tinggal bersama kaum Yahudi tersebut dan bekerjasama dengan mereka. Pada awalnya orang Yahudi menguasai mereka kemudian golongan Ansar menguasai

